



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1061]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1101]

USUL:

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara—
Lantikan Naib Pengerusi [Ruangan 1103]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) [Ruangan 1104]

Rang Undang-undang Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) [Ruangan 1115]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
S.P.M.J. (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI
BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJIAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.D.K.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD,
S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- " Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Johor Kelantan).
- " Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- " Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- " Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- " Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASIM (Tampin).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- " Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- " Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- " Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIF HON, K.M.N. (Shah Alam).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

Yang Berhormat TUN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

- " DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- " TUN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- " DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- " TUN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- " TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- " TUN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- " TUN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- " TUN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- " TUN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " TUN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- " TUN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- " TUN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- " TUN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- " TUN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- " DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- " TUN LOH FOOK YEN (Kluang).
- " TUN LUHAT WAN (Baram).
- " TUN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- " TUN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- " DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- " TUN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- " TUN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- " TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUN MOHAMED SOPHEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kelapa Batas).
- " TUN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- " TUN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- " TUN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- " TUN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- " DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- " RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- " TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- " TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- " TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- " TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- " TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- " TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- " TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- " TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- " TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- " TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- " TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- " DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- " TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- " TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- " WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- " TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- " TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- " DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- " TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- " TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- " TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- " TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- " TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- " TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- " TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- " WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- " TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- " TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ishtail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 13hb April, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
 MULUT BAGI
 PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**BAS UNTUK PERKHIDMATAN
 SEWA KHAS**

1. Tuan Abu Bakar bin Arshad mint Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak syarikat-syarikat bas menjalankan perkhidmatan sewa khas secara sulit apabila bas perjalanan terus (express) penuh dengan penumpang-penumpang dan akibatnya tuan punya kereta sewa/tekسي menghadapi kesulitan mencari penumpang dan orang ramai pula yang biasa menggunakan bas susah hendak menaiki bas oleh kerana bas ini tiada singgah dipertengahan perjalanannya. jika sedar apakah tindakan yang akan diambil supaya orang ramai tidak menghadapi kesulitan pengangkutan semumpama itu.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat bas yang menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan bas terus (express service) ada mempunyai Road Service Licence yang membenarkan syarikat itu mengendalikan perkhidmatan secara terus (Express Service) dan sewa khas (Charter Service).

Mengikut tujuan dan syarat-syarat lesen tersebut, syarikat-syarikat bas express hendaklah mengutamakan perkhidmatan secara terus dengan tidak mengganggu tujuan asal pengeluaran lesen tersebut. Syarikat-syarikat tersebut walau bagaimanapun boleh menjalankan perkhidmatan bas secara sewa khas.

Di samping itu dalam keadaan di mana didapati ada kehendak traffic yang luar biasa syarikat-syarikat tersebut dibenarkan menjalankan juga perkhidmatan bas "duplicate" mengikut jadual perjalanan perkhidmatan tersebut. Bas-bas perjalanan terus atau bas-bas sewa khas tidak dibenarkan mengutip penumpang kecuali di tempat-tempat perhentian yang tertentu.

Saya tidak sedar bahawa banyak syarikat-syarikat bas menjalankan perkhidmatan sewa khas secara sulit dan akibatnya tu n punya kereta sewa/tekسي menghadapi kesulitan mencari penumpang.

Jika Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak mengetahui ada syarikat-syarikat bas yang menjalankan perkhidmatan sewa khas secara sulit bertentangan dengan syarat-syarat Road Service lesennya, silalah beritahu saya supaya dapat saya mengarahkan sisatan dijalankan keatas syarikat-syarikat tersebut dengan bertujuan mengambil tindakan keatasnya.

LAMPU ISYARAT

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar sistem isyarat yang ujud sekarang di Kuala Lumpur adalah tidak memuaskan dan tidak membantu memberes perjalanan lalu-lintas dengan lancarnya dan, jika sedar, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki sistem lampu isyarat di Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, secara umum adalah kurang tepat jika dikatakan sistem lampu isyarat yang ujud sekarang di Kuala Lumpur adalah tidak memuaskan. Perlu dinyatakan pelancaran perjalanan lalu-lintas bukan sahaja bergantung kepada lampu isyarat malahan juga

faktor-faktor lain turut bersama memainkan peranan masing-masing. Tindakan-tindakan telah dan sedang diambil secara berperingkat-peringkat bagi mengatasi kesesakan lalu-lintas di Kuala Lumpur sepertimana syor-syor yang diterima dari satu Kajian Mengenai Lalulintas.

Buat masa ini persimpangan-persimpangan penting dalam Kawasan Perniagaan Pusat adalah dikawal oleh 24 lampu isyarat yang disambung serta diselaraskan kepada satu "master controller". Apabila lampu-lampu ini didapati rosak atau tidak berjalan sepertimana yang dijadualkan, sebuah firma yang ada mengikat kontrak ditugas membetulkan kerosakan-kerosakan tersebut dengan secepat mungkin.

AKTA PEMAJU PERUMAHAN

3. **Raja Narun bin Raja Ishak** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau ber-cadang mengadakan syarat-syarat tambahan dalam pindaan terhadap Akta Pemaju Perumahan (Pengawalan dan Perlesenan) untuk memberi faedah dan peluang kepada pekerja ladang dan lombong memiliki rumah sendiri.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan terlebih dahulu bahawa tujuan Kerajaan menganunkan Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1966, dan Kaedah-kaedah (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1970 adalah untuk menentukan cara urusan kemajuan perumahan dijalankan mengikut prinsip-prinsip perniagaan yang baik dan juga secara yang tidak akan mengabaikan kepentingan pembeli-pembeli rumah. Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat samada saya ber-cadang hendak meminda Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan itu supaya memberi faedah dan peluang kepada pekerja-pekerja estet dan lombong memiliki rumah, saya suka menerangkan bahawa tidaklah wajar untuk meminda Akta atau Kaedah-kaedah tersebut khas untuk mencapai maksud dan cara yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Raja Narun bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Ber-

hormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa tidaklah wajar untuk diadakan syarat-syarat tambahan supaya dapat peluang-peluang kepada pekerja ladang dan lombong memiliki rumah sendiri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan alasan-alasan mengapa maka dikatakan oleh beliau perkara itu tidak wajar?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal memberi peluang kepada pekerja-pekerja sebagaimana saya katakan tadi untuk meminda Akta itu bagi pekerja-pekerja estate dan lombong untuk memiliki rumah, saya suka memberitahu sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya menyedari masalah keperluan perumahan pihak pekerja-pekerja itu. Tindakan pentadbiran yang berasaskan telah diambil untuk mewujudkan satu kumpulanwang pusingan dalam mana publisiti yang mencukupi mengenainya telah pun diberi di dalam dan di luar Dewan ini. Dalam sekim kumpulanwang pusingan ini ada peruntukan-peruntukan yang membenarkan pekerja-pekerja tersebut memohon mendapatkan pinjaman untuk membolehkan mereka mempunyai rumah-rumah sendiri.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah menyebutkan tentang kumpulanwang pusingan (revolving fund) untuk menolong pekerja-pekerja di ladang-ladang getah atau lombong untuk membina rumah. Adakah beliau sedar pekerja-pekerja di Kampung Lanjut Tin yang telah diberhentikan kerjanya mulai daripada bulan November tahun yang lalu dan sekarang barangkali akan diberi tanah oleh Wilayah Persekutuan untuk membina rumah? Apakah pertolongan Kementerianannya boleh memberi kepada pekerja-pekerja tersebut supaya mereka boleh membina rumah berhampiran dengan tempat mereka duduk sekarang?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itupun faham yang mana Kementerian saya telah mengeluarkan Buku Kecil Panduan yang mana dasar Kementerian saya memberi pinjaman kalau tempat-tempat yang berkenaan itu tidak membuat permohonan kepada Kementerian saya hendak menimbangkan

perkara itu. Tetapi kalau boleh Ahli Yang Berhormat menasihati mereka yang tinggal di tempat itu sebab saya telah nyatakan tadi kita telah memberi publisiti yang luas dalam dan di luar Dewan ini, saya yakin penuh bahawa penduduk-penduduk estate dan lombong sudahpun mengetahui keadaan wang pusingan yang akan kita memberi pinjaman untuk mereka itu mendapat rumah.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tentang pertolongan atau pinjaman yang Kementerianannya akan memberi kepada pekerja-pekerja tersebut. Pertolongan ini adakah Kementerianannya memberi wang secara langsung untuk menyediakan tapak tanah dan kemudiannya memberi pinjaman untuk membina rumah?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, permohonan itu diadakan borang dan kita akan sampaikan kepada Kerajaan Tempatan dan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Kementerian saya bagi melaksanakan projek-projek yang dipohonkan oleh mereka itu.

PENAGIH-PENAGIH DADAH

4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- samada benar bahawa sebilangan besar penagih-penagih dadah itu adalah terdiri daripada penuntut;
- angka-angka atas kumpulan umur dan bangsa orang-orang yang terlibat dalam mengambil dadah;
- samada beliau sedar bahawa kempen untuk memperhebatkan tentang bahaya dadah dan untuk membasmi dadah yang dijalankan di sekolah-sekolah itu akan hanya mempopularkan salah penggunaan dadah di kalangan penuntut-penuntut dan menanamkan semangat ingin tahu bagi mereka yang belum mengetahui apakah dadah sebenarnya selama ini dan ingin merasanya; dan
- samada terdapat kes-kes kematian akibat dari pengambilan dadah, dan jika ya, berapa ramai dan di mana.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) pada hakikatnya semua

negeri di Semenanjung Malaysia telah menjalankan kempen mencegah salah guna dadah. Negeri-negeri yang telah menubuhkan Jawatankuasa mencegah salah guna dadah ialah Selangor, Trengganu, Pulau Pinang, Johor dan Negeri Sembilan dan kempen-kempen adalah dijalankan oleh Jawatankuasa ini. Sementara kempen-kempen di Negeri-negeri lain pula dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela, kelab-kelab belia, kelab-kelab perkhidmatan seperti Kelab Rotary, Kelab Lion dan lain-lain serta parti-parti politik seumpama UMNO. Pusat Biro Narkotik adalah memberi kerjasama yang penuh dalam semua kempen yang telah dijalankan itu. Di samping itu, beberapa Negeri sedang merancang untuk menubuhkan Jawatankuasa mencegah salah guna dadah dan seterusnya mengadakan kempen mencegah salah guna dadah dengan lebih menyeluruh lagi.

Bagi soalan (b) sebenarnya dalam hal-hal bersangkutan dengan kempen mencegah salah guna dadah kita tidak dapat mengukur kejayaannya dalam tempoh yang singkat oleh kerana kejayaan yang dicapai tidak nampak dengan sekelip mata. Walau bagaimanapun, di antara kemajuan-kemajuan yang dicapai ialah:

- mendatangkan kesedaran di kalangan orang ramai terhadap masalah salah guna dadah dan dengan adanya kesedaran ini dapatlah mereka bersama-sama melibatkan diri menentang kegiatan-kegiatan salah guna dadah. Kesedaran mereka adalah meliputi dua aspek iaitu dengan menolong penagih-penagih untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan, kedua menyampaikan maklumat terhadap pengedar-pengedar dadah.
- mendatangkan keinsafan kepada beberapa orang penagih dadah sendiri yang berazam untuk balik menjadi anggota masyarakat yang berguna.

Bagi jawapan soalan seterusnya bilangan-bilangan pengedar dadah yang dapat diberkas dari tahun 1971 adalah seperti berikut:

Tahun				Orang
1971	...	...	...	908
1972	...	...	...	1,155
1973	...	...	...	1,613
1974	...	...	...	1,819
1975	...	...	...	3,202

Hukuman yang dikenakan ke atas mereka setimpal dengan jenis dan banyaknya dadah yang didapati kepada mereka semasa ditangkap. Pengedar-pengedar heroin dan morphine yang memiliki lima gm atau lebih dadah-dadah tersebut semasa ditangkap dikenakan hukuman penjara sekurang-kurangnya tiga tahun jika sabit kesalahan mereka oleh Mahkamah. Dalam kes-kes yang tidak mempunyai bukti yang cukup untuk penyeludup-penyeludup atau pengedar-pengedar berkenaan untuk dibawa ke Mahkamah mereka itu dikenakan hukuman buang daerah atau ditahan di Pulau Jerejak. Sementara itu sehingga ini 15 orang penyeludup dan pengedar dadah sedang menunggu untuk dibicarakan di bawah Undang-undang Dadah Berbahaya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dengan angka yang bertambah daripada tahun 1971 iaitu 908 orang kepada lebih 3,200 orang bagi tahun 1975 ini menunjukkan penagih ini makin bertambah ataupun kecerdasan pihak pegawai-pegawai menjalankan tangkapan?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah satu keadaan yang amat umum. Jadi, kegiatan-kegiatan yang dipusatkan melalui Pusat Biro Narkotik adalah menunjukkan bahawa bertambahnya pengedaran dan juga penagih dadah itu bukanlah disebabkan kegiatan-kegiatan pegawai tetapi adalah disebabkan oleh beberapa faktor sosial yang setengah daripadanya masih belum diketahui oleh Kerajaan.

BEKALAN AIR DI DAERAH PARIT

5. Tuan Mohd. Bakri Rais minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan bilakah bekalan air akan diadakan sepenuhnya di Daerah Parit, Perak memandangkan kampung-kampung seperti Lambor Kanan, Lambor Kiri dan lain-lain kampung masih belum lagi mendapat bekalan air.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya diberitahu bahawa bekalan air ke Pekan Lambor Kanan dan Kampung Talang akan

dijalankan dan disiapkan dalam tahun ini juga. Sementara kerja memulakan bekalan air ini ke Kampung Lambor dan di kampung-kampung yang lain masih di dalam perhatian Kerajaan Negeri Perak dan akan dipertimbangkan mengikut keutamaan masing-masing dan juga adanya wang. Kerajaan Negeri memang bercadang hendak membekalkan air keseluruh Negeri itu tetapi pelaksanaannya tidaklah dapat dijalankan dengan serentak.

HOSPITAL DAERAH SUNGAI PETANI

6. Wan Zahab binti M. A. Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa oleh kerana kekurangan doktor di Hospital Daerah Sungai Petani, ramai pesakit yang datang ke hospital tersebut bebet-apa kali tidak dapat berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan; dan
- (b) jika sedar, apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ya, perkara ini ada dimasukkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Sebenarnya Hospital Daerah Sungai Petani ada mempunyai 4 orang doktor Pakar dan 10 orang Pegawai Perubatan dan telahpun ditambah seorang lagi baru-baru ini, ini adalah dianggap mencukupi.
- (b) Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Kedah telahpun diarahkan supaya menyusun semula pentadbiran hospital tersebut dan peraturan-peraturan ini hendaklah diikuti:
 - (i) Pendaftaran pesakit-pesakit luar yang datang ke hospital untuk mendapat rawatan luar pada pukul 3.00 petang hendaklah jangan dihentikan;
 - (ii) Pemeriksaan pesakit-pesakit luar hendaklah diteruskan selepas pukul 4.00 petang, jika perlu;
 - (iii) Jika pesakit-pesakit yang datang ke Jabatan Pesakit Luar terlalu ramai, pihak pentadbiran hospital hendaklah mengarahkan satu atau dua orang doktor daripada Yunit lain untuk membantu doktor yang bertugas di Jabatan Pesakit Luar.

PERUMAHAN GURU-GURU LUAR BANDAR SARAWAK

7. Tuan Sibot anak Tagong minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk membaiki kemudahan perumahan guru-guru yang berkhidmat di kawasan-kawasan luar bandar Sarawak memandangkan bahawa kebanyakan guru-guru di kawasan-kawasan luar bandar tinggal di dalam rumah yang buruk tanpa letrik dan air paip dan perabut yang tidak mencukupi.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, satu daripada objektif utama dalam rancangan pelajaran di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga ialah memajukan dan memperbaiki pelajaran di kawasan luar bandar untuk membetulkan ketidakseimbangan di antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Berdasarkan kepada keperluan ini peruntukan dan usaha-usaha memperbaiki kemudahan perumahan bagi guru-guru yang berkhidmat di kawasan-kawasan luar bandar akan terus diberi keutamaan kadar yang mampu diberi oleh Kementerian Pelajaran dalam Rancangan Malaysia Ketiga, khususnya langkah-langkah yang akan diambil termasuk:

- (a) membina lebih banyak lagi rumah-rumah baru bagi guru-guru untuk sekolah-sekolah di kawasan-kawasan luar bandar;
- (b) memperbaiki dan membaharui rumah-rumah yang ada dan dianggap sudah buruk;
- (c) mengganti rumah-rumah sementara atau rumah-rumah yang dianggap sudah tidak boleh didiami lagi.

Dalam pelaksanaan langkah-langkah di atas pertimbangan akan dibuat untuk mengadakan perabut-perabut yang standard type dan kemudahan-kemudahan air dan letrik di kawasan-kawasan yang terdapat kemudahan-kemudahan ini ataupun boleh diadakan.

Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kemajuan dan perubahan-perubahan tidak dapat dilaksanakan dalam sekejap masa memandangkan banyaknya bilangan sekolah yang berselerak di merata kawasan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat anggaran bilangan rumah-rumah guru-guru yang telah disiapkan

di kawasan bandar dan luar bandar di bawah Rancangan Pembangunan Sekolah, Rancangan Malaysia Kedua adalah seperti berikut:

(i) Sekolah	Rendah	Luar	
Bandar	...	...	273 buah
Bandar	...	...	2 buah
		Jumlah	275 buah

(ii) Sekolah	Menengah	Luar	
Bandar	...	...	189 buah
Bandar	...	...	14 buah
		Jumlah	203 buah

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau mengatakan memang matlamat Kerajaan untuk menubuhkan rumah-rumah guru di kawasan sekolah luar bandar tetapi buat sementara ini saya meminta Timbalan Menteri menjawab, adakah beliau sedar bahawa guru-guru yang mengajar di kawasan luar bandar sekarang ini membayar house rent yang sama tarafnya dengan guru-guru yang tinggal di rumah standard quarters di bandar. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang buat masa ini sementara menanti rumah baru itu siap, akan mengurangkan housing rent kepada guru-guru yang tinggal di kawasan luar bandar?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Oleh sebab itu, dalam Rancangan Malaysia Ketiga kita akan menambah lebih banyak lagi rumah-rumah guru khasnya di luar bandar—itulah objektif kita.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, jawapan dari Ahli Yang Berhormat tadi tidak mencukupi kerana kesulitan akan dialami oleh guru-guru yang tinggal di kawasan luar bandar sementara kita menunggu pembinaan rumah-rumah guru itu siap. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengurangkan bayaran housing rent?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, soalan itu tadi belum dijawab.

Tuan Chan Siang Sun: Perkara ini kita akan timbangkan.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar iaitu ada di antara rumah-rumah guru di luar bandar yang keadaannya begitu uzur dan terpaksa guru-guru ini keluar daripada rumah-rumah tersebut? Rumah ini runtuh dengan sendirinya, akibatnya guru-guru tidak duduk di tempat yang berkenaan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Saya ingat ada jawapan pada mesyuarat yang akan datang mengenai perkara ini dengan sepenuhnya.

SISTEM PELAJARAN—KAJIAN SEMULA

8. **Tuan Edwin anak Tangkun** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada terdapat rancangan untuk membentuk semula sistem pelajaran daripada sukatan pelajaran akademik kepada apa yang akan menjadikan penuntut-penuntut yang seimbang dengan minat-minat yang sihat bukan hanya terhadap diri mereka sendiri tetapi juga pembangunan negara.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sistem pelajaran kita bukanlah semata-mata tertumpu kepada pelajaran akademik sahaja kerana dari sistem ini terdapat pelajaran beraneka jurusan seperti pelajaran vocational dan pelajaran teknik di peringkat sekolah menengah. Sukatan pelajaran akademik hanya merupakan sebahagian daripada kurikulum dalam sistem pelajaran kita di mana pelajaran amali, cara kerja, perkumpulan, kegiatan luar dan sukan juga memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan penuntut-penuntut yang seimbang dengan minat dan sikap yang diinginkan. Walau bagaimanapun, sistem pelajaran kita sedang dikaji oleh Jawatankuasa Kabinet Perlaksanaan Dasar untuk menentukan supaya ianya lebih sesuai dengan kehendak-kehendak individu dan negara.

BAS MINI DI PERAK

9. **Tuan Chiam Heng Kai** (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Kerjasama dan Kemudahan-kemudahan menyatakan samada beliau akan menimbang mengeluarkan lesen-lesen bas mini di Negeri Perak untuk memperbaiki pengangkutan dan menambahkan peluang kepada mereka yang tidak berada menjalankan bas-bas mereka sendiri.

Dr Goh Cheng Tek: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Perkhidmatan Bas Mini hanya diadakan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sahaja. Tujuan utama Kerajaan memperkenalkan perkhidmatan Bas Mini ialah untuk memenuhi keperluan orang ramai di kedua-dua kawasan tersebut terhadap sistem pengangkutan awam yang licin dan mencukupi.

Setakat ini Kementerian saya belum ada rancangan hendak meluaskan perkhidmatan Bas Mini ke Negeri Perak. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan menimbangkan kemungkinan mengadakan perkhidmatan Bas Mini ke bandar-bandar lain jika didapati perlu dan sesuai.

PEMBACA METER AIR

10. **Tuan Chiam Heng Kai** (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan samada pertimbangan yang wajar akan diberi kepada tuntutan-tuntutan Pembaca-pembaca Meter Air J.K.R. untuk mendapatkan kadar gaji yang lebih memuaskan daripada gaji yang diterima oleh pemungut-pemungut bil dan penghantar-penghantar notis kerana mereka terpaksa menjalankan tiga tugas iaitu membaca meter, menulis bil dan mengeluarkan bil-bil kepada pengguna-pengguna air.

Dr Goh Cheng Tek: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini sekarang sedang di dalam pertimbangan Kerajaan.

TANDAS SEKOLAH-SEKOLAH DI LUAR BANDAR

11. **Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa setengah sekolah-sekolah di luar bandar tiada mempunyai tandas atau kemudahan bilik air dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ya. Saya sedar ada keadaan itu. Kementerian Pelajaran akan cuba melaksanakan semua permohonan bagi mendapatkan kemudahan ini terutamanya dari sekolah-sekolah di luar bandar yang masih tidak ada mempunyai tandas dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Kementerian juga sedar bahawa ada sekolah-sekolah yang diberi

tandas yang baik tetapi tidak digunakan kerana semua kelengkapan telah dimusnahkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apakah tandas yang baik itu?

Tuan Chan Siang Sun: Tandas yang ada standard, Tuan Yang di-Pertua. Adalah diharapkan pemberian Kerajaan dijaga semua seperti harta sendiri supaya lebih banyak peruntukan wang akan diselamatkan untuk kepentingan lain.

Tuan Patrick Anek Uren: Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada diutamakan iaitu tandas di tempat-tempat sekolah. Adakah ini istimewa daripada facilities yang lain yang dapat memudahkan murid-murid belajar dengan sesuai?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, keadaan berkenaan rumah guru-guru dan juga tandas itu bergantung kepada tempat masing-masing. Kita bukan sahaja menjaga kepentingan guru-guru, tetapi juga kesihatan murid-murid. Itu mustahak juga. Kita mesti menjaganya. Jadi tempat yang penting hendak membina tandas itu, kalau didapati di tempat itu menjadi keutamaan, kita akan beri keutamaan kepada sekolah itu.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa untuk mendapat tandas yang baik di sekolah-sekolah terutamanya di kawasan luar bandar ianya ada berhubung rapat dengan bekalan air dan didapati banyak sekolah-sekolah yang tidak ada bekalan air dan juga waktu kemarau, air susah didapati, apakah tindakan Jabatan Pelajaran untuk mengatasi keadaan ini?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kalau tempat itu tidak ada air, saya rasa itu juga menjadi tanggungjawab kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mesti mencari cara atau langkah yang mana kita boleh menghubungi dengan Jabatan Kerja Raya supaya air itu boleh sampai cepat ke tempat itu.

RASUAH DALAM SWASTA

12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Undang-undang menyatakan samada terdapat kejadian-kejadian makan suap dan rasuah dalam pihak swasta dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian rasuah di kalangan swasta memang ada didapati. Seperti kesalahan-kesalahan rasuah yang lain juga tindakan telah dan sedang diambil mengikut peruntukkan undang-undang yang B.S.N. diberi kuasa menjalankannya. Pada masa ini terdapat tujuh kes yang sedang disiasat. Pihak B.S.N. berharap akan mendapat lebih banyak lagi maklumat dari orang awam berhubung dengan kejadian-kejadian rasuah.

GERAKAN SUBVERSIF DI SARAWAK

13. Tuan Patrick Anek Uren (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlahnya tenaga gerakan subversif di Sarawak sekarang.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, dalam masa Sarawak berada dalam keadaan darurat yang genting antara tahun 1969-1972, terdapat pada anggaran kita 7,000 orang anasir-anasir dan penyokong subversif di Sarawak. Walau bagaimanapun, bilangan ini telah sangat berkurangan akibat daripada beberapa gerakan anti subversif yang telah dijalankan dan juga saki-baki anasir subversif itu tidak lagi aktif. Keadaan mereka adalah sentiasa diawasi dan kedudukan keselamatan adalah terkawal.

Tuan Patrick Anek Uren: Soalan tambahan. Adakah jawapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi meliputi juga keadaan selepas Sri Aman iaitu bilangan sebelum musim darurat di mana katanya ada 7,000 pengganas; dan adakah bilangan ini termasuk returnees Sri Aman yang telah balik menjadi warganegara yang biasa; dan adakah pendapat ini pendapat fahaman Kerajaan bahawa orang yang sudah balik jadi warganegara itu sudah tidak ada security threat kepada negara?

Tuan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu nampaknya keliru dari segi soalan ini. Soalan ini ialah mengenai gerakan subversif bukan soal communist terrorist. Dua-duanya berbeza. Kalau hendak kira dari segi soal pengganasan y g kita tahu sampai sekarang ini yang dibunuh, ditawan, ditangkap dan menyerah diri lebih daripada 4,500 orang. Yang tembak-membak itu bukan subversif. Soalan ini tadi mengenai soal subversif, tetapi soal mereka yang sudah kembali kepada masyarakat ini yang sudah dilepas dan bersihkan. Kerajaan menganggap bahawa mereka ini tidak lagi menjadi security threat kepada negara.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya fikir kalau terrorist termasuk ertikata subversif; tetapi subversif tidak termasuk terrorist.

SIKAP MAKAN GAJI

14. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa penuntut-penuntut kita hari ini diajar untuk makan gaji dan apabila mereka kecewa mereka sanggup menyertai kumpulan-kumpulan anti-nasional; jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Chan Siang Sum: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa penuntut kita hari ini diajar untuk makan gaji sahaja dan apabila mereka kecewa mereka sanggup menyertai kumpulan-kumpulan anti-nasional adalah tidak benar. Tujuan pendidikan kita ialah mengeluarkan rakyat yang berguna disamping memenuhi kehendak tenaga manusia di negara ini. Sikap penuntut terhadap makan gaji adalah didorong oleh sistem penilaian masyarakat iaitu menghargakan makan gaji sehingga menantu pun dipilih atas asas makan gaji.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN

15. Tuan S. Sany Vellu (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah Akta Kerajaan Tempatan, 1975 akan diterima dan dijalankan oleh Pihak-pihak Berkuasa Negeri. Apa tindakan yang akan

diambil oleh Kementerian ini sekiranya Pihak Berkuasa yang tertentu mengemukakan Akta itu.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, adalah dijangka Akta ini akan disiarkan dalam Warta Kerajaan tidak berapa hari lagi setelah mendapat persetujuan Di Raja. Akta ini boleh dikuatkuasakan dalam sebarang Negeri oleh Pihak-berkuasa Negeri itu setelah berunding dengan Menteri. Di bawah Seksyen (1) Akta ini boleh dikuatkuasakan dengan sepenuhnya keseluruhan Negeri atau secara beransur-ansur dengan menetapkan tarikh-tarikh berlainan bagi peruntukan-peruntukan berlainan.

Akta ini telah dikanuakan di bawah Perkara 76 (4) Perlembagaan bagi maksud keseragam undang-undang di seluruh Semenanjung Malaysia. Sebelum dibawakan ke Parlimen, Akta ini telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan sebagai dasar. Semua Negeri adalah menjadi Ahli Majlis ini dan di bawah Perkara 95A (5) Kerajaan Negeri hendaklah mengikut dasar Majlis tersebut. Oleh itu soal keengganan menerima Akta ini tidak timbul.

Memandangkan keadaan-keadaan yang berlainan daripada Negeri ke Negeri, Akta ini tidak mungkin dilaksanakan dengan serentak di seluruh Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, adalah dijangka iaitu sebelum akhir tahun ini semua Negeri akan melaksanakan Akta ini.

TRIBUNAL HARGA MINYAK

16. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerianya akan menimbangkan penubuhan Tribunal Harga-harga Minyak-minyak Yang Berpatutan (Oil Prices Justification Tribunal) mengandungi wakil-wakil dari Kementerian beliau, Kongres Kesatuan Sekerja Malaya (M.T.U.C.), Persatuan-persatuan Pengguna, Dewan-dewan Perniagaan dan dari Parti-parti Pihak Pembangkang untuk mengkaji harga-harga minyak-minyak yang telah dinaikkan tahun dahulu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tribunal Harga-harga Minyak-minyak Yang

Berpatutan kerana buat masa ini Kerajaan telahpun mempunyai sebuah Jawatankuasa yang mengandungi wakil-wakil daripada Kementerian dan Jabatan yang berkenaan yang mengkaji dan menimbang permohonan dari syarikat-syarikat minyak untuk menaikkan harga minyak.

KAD PENGENALAN—PERMOHONAN

17. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa Bahagian Kad Pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara mengambil masa yang lama untuk melayani satu-satu kesilapan teknik dalam kad pengenalan yang dikemukakan dengan bukti-bukti yang diminta, dan kemudiannya permohonan-permohonan itu ditolak dengan alasan tidak cukup bukti yang memuaskan setelah diungkit beberapa kali. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Bahagian Kad Pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara tidak mengambil masa yang lebih lama daripada yang diperlukan bagi menimbang permohonan untuk membetulkan kesilapan teknik dalam Kad Pengenalan jika sekiranya bukti-bukti yang dikemukakan itu jelas dan mencukupi. Jadi, bila saya katakan tadi tidak lebih lama daripada masa yang diperlukan, ini bermakna daripada masa permohonan itu diterima di Pejabat-pejabat Pendaftaran yang ada di seluruh negara hingga masa ianya diberi keputusan oleh Ibu Pejabat Pendaftaran di Petaling Jaya termasuklah masa bagi memproses, menyemak dan menyiasat. Pada hemat saya tidak boleh lebih memakan masa daripada lapan minggu.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, adakah yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar saya sendiri ketahui bukan lapan minggu seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, tetapi barangkali lapan tahun pun ada. Ini adalah disebabkan nama di dalam Surat Beranak bapanya Tan Chee Khoon dan anak yang kedua Chin Chee Khoon. Oleh sebab orang menulis nama saya Tan (Hokkien) dan orang lain tulis Chin (Hakka) dan sebagainya dan nama ibu dan bapanya tidak serupa dengan Sijil Ke-

rakyatannya. Oleh itu, saya sendiri tahu ada seorang yang saya sendiri tolong sudah lima tahun, tetapi masalah ini tidak diselesaikan oleh Jabatan Pendaftaran dan perkara ini belum tiba di Ibu Pejabat. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengarahkan Pejabat Pendaftaran untuk mempercepatkan bagi menyelesaikan kesalahan teknik seperti yang saya sebutkan?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat sedih mendengar kalau dituduh sampai lapan tahun. Yang sebenarnya, kes ini kes menipu pun banyak, Surat Beranak anak orang lain dia mengaku dia punya—barangkali Ahli Yang Berhormat tidak tahu. Tetapi mana yang tulin dan ada bukti semuanya sudah dilayan. Saya suka terangkan daripada 1-1-1975 sampai 29-2-76 3,698 permohonan diterima dan permohonan yang telah diselesaikan 3,146 hanya 500 sahaja balance dalam satu tahun. Di mana datang cerita lapan tahun ini? Tetapi jika cerita itu tidak tulin, surat pembohong macam mana hendak diterima.

Dr Tan Chee Khoon: Mungkin ada orang hendak menipu Kerajaan atau Pejabat Pendaftaran, tetapi kes yang saya sebutkan belum diselesaikan sehingga sekarang dan saya sendiri faham kes itu dan ibu bapanya tidak ingin menipu atau berbohong kepada Pejabat Pendaftaran. . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sila tulis surat kepada Yang Berhormat Menteri.

BAHASA MALAYSIA PADA IKLAN/ PAPAN NAMA KEDAI SYARIKAT

18. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada beliau sedar atau tidak tentang penggunaan Bahasa Malaysia pada papan-papan nama kedai dan syarikat-syarikat perniagaan di negara ini tidak mendapat tempat yang sewajarnya sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara; jika sedar, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang hendak membuat satu peraturan yang khusus tentang penggunaan bahasa itu sesuai dengan tarafnya.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya penggunaan Bahasa Malaysia pada iklan-iklan dan papan-papan nama

kedai dan syarikat-syarikat perniagaan di negara ini adalah diberi tempat yang sewajarnya sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi Negara.

Ingin saya menjelaskan bahawa dari segi dasar Kerajaan dan juga Perlembagaan Malaysia, bahasa-bahasa lain tidak dapat diketepikan. Mengikut amalan sekarang, jika iklan adalah di dalam Bahasa Kebangsaan serta juga dalam apa-apa bahasa lain, huruf-huruf bagi perkataan-perkataan dalam Bahasa Kebangsaan itu hendaklah berukuran tidak lebih kecil daripada huruf-huruf atau tulisan-tulisan dalam bahasa-bahasa yang lain itu dan hendaklah ditunjukkan dengan cara yang lebih mudah dilihat.

Pada masa sekarang, dasar ini adalah dilaksanakan secara pentadbiran. Syarikat-syarikat perniagaan adalah dikehendaki memohon lesen bagi iklan-iklan dan papan-papan nama kedai dari setahun ke setahun dan pihak berkuasa-pihak berkuasa tempatan mengenakan syarat yang saya sebutkan tadi apabila meluluskan permohonan tersebut dan setakat yang saya ketahui dasar ini, adalah dilaksanakan dengan memuaskan. Tetapi, jika Ahli Yang Berhormat tahu tentang kes-kes yang melanggar dasar ini silalah beri butir-butir lanjut kepada saya dan saya boleh membuat siasatan, dan diatas hasil siasatan itu akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan daripada Setiausaha Parlimen tadi mengatakan bahawa peraturan-peraturan sudahpun diketatkan, tetapi kalau kita perhatikan papan-papan nama kedai ini di seluruh bandar-bandar tidak payah kita pergi siasat, kita sekali lalu sahaja kita boleh dapati kebanyakan papan-papan nama kedai itu Bahasa Malaysianya terlalu kecil dan tidak diberi penghormatan yang sewajarnya. Adakah Kementerian yang berkenaan bercadang hendak adakan satu Pasukan Penguatkuasa untuk menguatkuasakan undang-undang yang telah dibuat itu?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi boleh ditimbalan mengenai Pasukan Penguatkuasa itu.

Tuan Oh Keng Seng: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa peraturan sekarang untuk menggunakan Bahasa Malaysia di

papan-papan yang dijalankan oleh Lembaga Bandaran Petaling Jaya sangat keras? Jadi dari segi perniagaan ini menyusahkan peniaga-peniaga, adakah Yang Berhormat bercadang untuk memberi arahan supaya Lembaga ini menjalankan peraturan ini dengan flexible

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini berlawanan dengan soalan asal. Saya tidak benarkan.

YURAN PEPERIKSAAN

19. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan yang beliau akan ambil ke atas kenaikan mengejut yuran peperiksaan S.P.M., M.C.E., S.T.P., dan H.S.C.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pengelolaan peperiksaan-peperiksaan M.C.E./S.P.M. dan H.S.C./S.T.P. adalah tanggungjawab Lembaga Peperiksaan Universiti Cambridge dan oleh itu penentuan mengenai yuran peperiksaan adalah dibuat oleh pihak Cambridge sendiri. Pihak Cambridge telah memberi penerangan bahawa kenaikan bayaran peperiksaan baru ini bagi peperiksaan tersebut adalah tidak dapat dielakkan akibat tekanan inflasi yang lebih tinggi di Britain daripada di Malaysia. Jadi, Malaysia satu negeri yang baik. Selagi peperiksaan dikelolakan oleh Cambridge selama itulah yuran-yuran meningkat mengikut kadar inflasi di sana.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan adakah Kementerian beliau menimbang masaalah-masaalah rakyat miskin bila dinaikkan yuran peperiksaan dan apakah langkah-langkah Kementerian beliau telah ambil untuk menolong di atas bertambahnya penuntut-penuntut daripada golongan miskin?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab pokok soalan itu, saya suka menjelaskan di sini iaitu untuk peperiksaan M.C.E. Jurusan Sains akan dinaikkan sebanyak lebih kurang \$16.00, Jurusan Sastera serupa juga. S.P.M. Jurusan Sains \$13.00, Jurusan Sastera \$13.00, H.S.C. Jurusan Sains \$7.55 dan S.T.P. Jurusan Sastera \$7.55.

Bagi penuntut-penuntut yang tidak mampu membayar yuran peperiksaan itu, saya difahamkan juga bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri adalah memperuntukkan wang kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri bagi tujuan bantuan dalam bidang pelajaran. Jadi itu dimaksudkan bantuan bagi bayaran peperiksaan. Ini satu cara, langkah atau tempat yang mana kita dapat memberi bantuan kepada rayuan atau pemohon-pemohon melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri itu. Kita berharap untuk membantu calon-calon yang kita kasihi itu kita akan memberi pertolongan yang mana boleh kepada mereka. Saya ingat ini satu cara yang kita boleh buat bagi menyelesaikan perkara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Terlalu panjang Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab! (Ketawa)

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan yang pertama diberi peluang kepada orang-orang miskin mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kepada orang kampung yang memohon untuk mendapat bantuan bayaran peperiksaan ini banyak yang tidak diluluskan permohonanannya ditolak. Dengan kenaikan, bayaran yang baru itu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa langkah itu menambahkan lagi kesusahan kepada orang kampung untuk membayar wang peperiksaan anak-anak mereka. Selain daripada itu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberitahu sebab-sebab kenapa Kementerian Pelajaran menaikkan bayaran itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu sudah dijawab tadi, dua soalan sahaja cukuplah!

Tuan Chan Siang Sun: Dari segi pihak Kerajaan, saya ingat saya sudah jawab tadi yang mana kita boleh atasi melalui saluran Pejabat Kebajikan Masyarakat untuk mendapatkan pertolongan. Sebenarnya kenaikan bayaran ini bukanlah oleh pihak kita, tetapi pihak Universiti Cambridge. Kita berharap mudah-mudahan kita juga dapat tahu dengan perubahan Perdana Menteri baru di London boleh menimbangkan bagi mengurangkan bayaran itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Partinya parti itu juga yang memerintah!

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua: adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa banyak penuntut dari kaum bumiputra di kampung-kampung atau pedalaman tidak dapat peluang mengambil peperiksaan itu sebab yuran sudah naik terlalu tinggi. Adakah apa-apa langkah sesuai untuk Kerajaan memberi bantuan wang kepada penuntut itu?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu pandangan Ahli Yang Berhormat sendiri. Oleh yang demikian, seperti saya katakan tadi, kenaikan itu cuma lebih kurang \$16. Kalau tidak mampu, bolehlah buat rayuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut keterangan yang diberi oleh Timbalan Menteri yang berkenaan, penuntut-penuntut yang beliau kasihi itu jika mereka tidak ada kemampuan untuk membayar wang peperiksaan yang semakin naik, mereka boleh membuat rayuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri. Tetapi adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar kebanyakan murid-murid atau ibu-bapa mereka tidak tahu di mana tempat patut dibuat rayuan itu. Bolehkah Kementerian Pelajaran memberitahu kepada murid-murid atau ibu-bapa berkenaan yang tidak berkemampuan untuk membayar wang yang meningkat tinggi itu bagi menunjukkan tempat di mana mereka boleh buat rayuan?

Tuan Chan Siang Sun: Perkara ini kita telah arahkan kepada semua Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri berkenaan.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, saya rasa kenaikan ini sudah beberapa kali dan sebagaimana kita tahu adalah menyusahkan rakyat terutama penduduk luar bandar. Saya ingin dapat penjelasan, adakah Kementerian Pelajaran selains ini hanya menerima sahaja kenaikan itu atau adakah Kementerian ini bercadang untuk merayu kepada Universiti Cambridge supaya jangan lagi menaikkan bayaran tersebut?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu sudah dijawab tadi, kalau sudah berjalan maknanya sudah diterima.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Maksudnya pada masa yang akan datang.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, rayuan dibuat.

Tuan Patrick Anek Uren: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa bantuan yang dikatakan tadi tidak dimaklumkan kepada murid-murid dan ibu-bapa di Negeri Sarawak misalnya, kerana kenaikan bayaran itu banyak murid-murid telah tidak dapat membayarnya dan telah memohon kepada guru besar dan memohon kepada Jabatan Pelajaran Sarawak tetapi tidak mendapat bantuan? Adakah Timbalan Menteri dapat mengarahkan Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak supaya perkara ini dimaklumkan kepada semua sekolah di Sarawak?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya akan maklumkan kepada Pengarah Pelajaran Negeri Sarawak.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan kenaikan bayaran setiap tahun itu mengakibatkan kesusahan kepada orang-orang di luar bandar. Dengan demikian, adakah Kementerian Pelajaran akan mengadakan Lembaga Peperiksaan itu di Malaysia sendiri tidak di Universiti Cambridge lagi?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini pun sudah dijawab dahulu dalam satu perbahasan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Mengikut jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan boleh buat rayuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Apa yang saya ingin tahu adakah Kementerian yang berkenaan bercadang memberi subsidi bagi memberi kemudahan kepada pelajar-pelajar yang hendak membayar yuran peperiksaan itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia sudah serahkan kepada Kementerian lain, menunjukkan dia tak ada bagi subsidi.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara itu bergantung kepada keadaan kewangan negara kita, kalau ada kemampuan, kita akan membantu hasrat itu.

KEMALANGAN LOMBONG BIJIH DI KAMPAR

20. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar lombong-lombong bijih di kawasan Kampar, Perak, selalunya dilanda oleh kemalangan; jika ya, nyatakan:

- (a) samada Kementeriannya telah meminta Jabatan Tanah dan Galian, Kampar, memberi satu laporan mengenai kemalangan-kemalangan tersebut;
- (b) samada beliau sedar Jabatan Tanah dan Galian, Kampar telah mengabaikan tugasnya dengan tidak memastikan supaya kemalangan-kemalangan ini tidak berlaku; dan
- (c) mengambil langkah-langkah untuk memastikan supaya insiden-insiden seperti ini tidak berulang.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa lombong-lombong bijih di kawasan Kampar, Perak pernah dilanda oleh kemalangan. Sayugia diingat bahawa kemalangan di lombong-lombong mungkin berlaku di mana-mana tempat sahaja termasuklah di kawasan Kampar.

- (a) Merintu Galian di tempat-tempat termasuklah Kampar di mana berlaku kemalangan lombong yang membawa maut atau parah memanglah menyediakan laporan ke atas kemalangan-kemalangan lombong itu dan laporan itu dikemukakan kepada pihak yang berkenaan seperti dikehendaki di bawah Undang-undang Galian yang berkenaan.
- (b) Sejauh mana yang saya tahu, Pejabat Galian Kampar telah menjalankan tugas-tugasnya dengan memuaskan dan tidak mengabaikan tugasnya bila-bila masa pun. Pegawai-pegawai Pejabat tersebut sentiasa memeriksa lombong-lombong untuk menentukan bahawa kehendak Undang-undang dan Peraturan-peraturan Galian adalah dipatuhi dan juga bahawa lombong-lombong dijalankan dengan selamat

supaya kemalangan-kemalangan tidak berlaku. Di samping itu perlu diingat iaitu pada dasarnya keselamatan di lombong adalah tanggungjawab pelombong-pelombong sendiri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Undang-undang Galian.

- (c) Jabatan Galian sentiasa menjalankan tugasnya untuk menentukan semua lombong-lombong bijih mematuhi kehendak Undang-undang dan Peraturan-peraturan Galian dan juga menentukan lombong-lombong itu dijalankan dengan selamat. Walaupun langkah-langkah ini akan terus diambil oleh Jabatan Galian dan Pejabat-pejabat Galian di sesuatu tempat, tiada sesiapa pun dapat menjamin kemalangan lombong tidak akan berlaku di masa hadapan oleh kerana tiada sesiapa dapat menjamin bencana alam daripada berlaku. Walau bagaimanapun dengan kerjasama pelombong-pelombong bijih sendiri, Jabatan Galian berharap dapat mengurangkan kejadian-kejadian itu kepada peringkat yang minima.

TALIPON DI KAMPUNG BARU MAMBANG DI AWAN, KAMPAR

21. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kementerian beliau akan:

- (a) menyambung semula perkhidmatan talipon untuk kegunaan orangramai di Kampung Baru Mambang di Awan di Kampar, Perak demi kepentingan penduduk-penduduk di kawasan tersebut; dan
- (b) mengadakan posmen untuk menghantar surat di Kampung Baru Jerlun (Perak), Tenaga, Chamek, Niyor (semuanya di Johor) dan juga di tempat-tempat lain yang tidak mempunyai posmen.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, (a) pondok talipon awam di Kampung Baru, Mambang di Awan di Kampar, Perak telah dirosakkan beberapa kali oleh perbuatan jahat dan akhir sekali alat tersebut telah dicuri. Jabatan Talikom telah memesan alat baharu, alat tersebut boleh

didapati tidak beberapa lama lagi dan alat-alat baharu itu akan digunakan bagi memulihkan perkhidmatan talipon di Kampung Baru, Mambang di Awan di Kampar.

Saya meminta jika boleh dengan jasa baik Yang Berhormat itu dapat mendesak penduduk-penduduk di Kampung Baru itu melapurkan kepada pihak Polis jika ada perbuatan jahat dilakukan supaya dapat memelihara perkhidmatan talipon yang baik. Bagi (b) adalah tidak mungkin untuk menempatkan seorang "Postman" bagi tiap-tiap wakil pos. Kebanyakan kawasan-kawasan di mana terletaknya wakil pos telah banyak menikmati penyerahan dari rumah ke rumah terus dari Pejabat Pos yang berhampiran. Di kawasan pendalaman dan di kawasan di mana terdapat sebaran penduduknya sedikit yang tidak dapat menikmati kemudahan penyerahan daripada Pejabat Pos yang berhampiran ada ditempatkan seorang "Postman" atau Penghantar Surat Sambilan di Wakil Pos-Wakil Pos mereka bergantung kepada samada jalan-jalan di kawasan itu mempunyai nama dan rumah-rumah mempunyai nombor dan jumlah surat-surat untuk diserahkan di kawasan itu. Penyerahan surat-surat dilakukan di Kampung Baru Jerlun oleh "Postman" daripada Pejabat Pos Kuala Kangsar, dan untuk Chamek dilakukan oleh "Postman" daripada Pejabat Pos Paloh. Tidak ada penyerahan dari rumah ke rumah di buat di Tenang, dan di Kampung Niyor kerana jalan-jalanraya tiada bernama dan rumah-rumahnya tiada bernombor.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 22 hingga 41 adalah diberi di bawah ini).

MAKANAN KEPADA PESAKIT HOSPITAL

22. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa cara memberi makan nasi kepada pesakit di Kelas-kelas Tiga di hospital-hospital di negara ini sekarang didapati tidak sesuai kerana semua makanan tersebut diisi di dalam sebuah pinggan sahaja, dan jika

ya, apakah beliau bercadang hendak menukar cara memberi makan kepada pesakit-pesakit di Kelas Tiga ini sepertimana diberi kepada pesakit kelas dua.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Ya. Kementerian saya telahpun mengadakan satu Jawatankuasa untuk menjalankan satu kajian untuk memperbaiki lagi mutu dan banyaunya makanan untuk pesakit-pesakit di hospital dan sebahagian daripada syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa tersebut telahpun dilaksanakan. Penukaran cara memberi makanan kepada pesakit-pesakit di kelas tiga daripada sebuah pinggan sahaja kepada sebuah talam yang berpetak-petak akan juga dilaksanakan dengan berperingkat-peringkat.

KADAR BAYARAN BARU DI HOSPITAL

23. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa kadar bayaran baharu yang dikenakan kepada pesakit-pesakit di hospital-hospital Kerajaan sangat tinggi dan menyusahkan orang ramai terutama mereka yang berpendapatan rendah dan jika sedar, adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula kadar bayaran tersebut.

Tan Sri Lee Siok Yew: Soalan yang hampir-hampir sama telahpun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong di Dewan ini pada 8-4-1976 dan saya telahpun memberikan jawapannya.

HOSPITAL DAERAH TUARAN

24. Tuan Buja bin Gumbilai minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan akan membina sebuah Hospital Daerah di Tuaran bagi faedah penduduk-penduduk di situ.

Tan Sri Lee Siok Yew: Satu cadangan telahpun dibuat oleh Jabatan Perubatan Sabah dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina sebuah hospital daerah di Tuaran. Saya tidak dapat memberi maklumat selanjutnya oleh kerana Rancangan Malaysia Ketiga hanya akan dipertimbangkan oleh Parlimen di satu mesyuarat khas pada pertengahan tahun ini.

RUMAH HARGA MURAH

25. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan besar rumah-rumah berharga murah untuk mereka yang miskin dan dalam golongan kelas pekerja di Negeri Selangor dan jika ya, nyatakan samada Kementerian beliau akan memberi perhatian khas serta keutamaan kepada permintaan Kerajaan Negeri Selangor untuk mendapatkan wang yang cukup supaya masalah tersebut boleh diselesaikan.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Michael Chen Wing Sum): Saya tidak dapat mengesah atau menafikan anggapan Ahli Yang Berhormat itu bahawa terdapat sangat kekurangan rumah-rumah harga murah di Selangor oleh kerana perangkaan yang lengkap mengenai perumahan tidak wujud bagi negeri tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), P.K.N.S. sebagai badan yang menyelenggarakan perumahan bagi Kerajaan Negeri Selangor telah siap membina sejumlah 8,020 unit rumah jenis murah iaitu termasuk rancangan-rancangan yang dibiayai oleh kedua-dua Kerajaan Pusat dan Negeri.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, peruntukan yang lebih besar akan dibuat daripada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan lebih banyak rumah jenis murah akan dibina. Butir-butir lanjut mengenai peruntukan bagi Negeri-negeri dan projek-projek yang dicadangkan olehnya akan diketahui selepas Rancangan Malaysia Ketiga diluluskan.

"THE MAKING OF HISTORY"— BUKU SEJARAH

26. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada Kementerian akan mengkaji semua buku-buku teks terutamanya yang mengenai pelajaran Sejarah Tanah Air dan Ugama yang mana ada dikatakan bahawa gambar Nabi Muhammad S.A.W. telah disiarkan dalam buku Sejarah "The Making of History"; dan
- (b) samada Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah badan penapis untuk mengkaji semua soalan-soalan untuk peperiksaan terlebih dahulu sebelum kertas itu dicetak.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):

- (a) Sudah menjadi dasar yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran akan membuat kajian dan menilai semula dari masa ke masa semua buku-buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah dalam negeri ini.

Mengenai buku "The Making of History", Ahli Yang Berhormat itu tidak menyebutkan siapakah pengarangnya dan terbitan mana buku yang dimaksudkan. Apa yang nyata tiada terdapat buku yang berjudul seperti itu yang dijadikan sebagai buku teks. Yang ada ialah buku "The Making of Modern Malaysia and Singapore" yang dikarang oleh N. J. Ryan terbitan Oxford University Press. Jika buku ini yang dimaksudkan ternyata tiada terdapat gambar Nabi Muhammad S.A.W. sebagaimana yang dibangkitkan.

- (b) Penyediaan kertas-kertas soalan adalah satu proses yang melibatkan beberapa peringkat tertentu. Bagi tiap-tiap peringkat yang terlibat itu pengkajian dan penyemakan yang teliti adalah dijalankan, iaitu dari segi bahan, bahasa, susunan dan sebagainya. Dari masa ke masa pihak Kementerian Pelajaran adalah mengkajikan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menghaluskan lagi penelitian ke atas penyediaan kertas-kertas soalan tersebut dari tiap-tiap aspeknya sebelum kertas-kertas itu dicetak.

Selain dari itu, perlu juga saya tegaskan di sini bahawa demi untuk kepentingan keselamatan peperiksaan hanya Bahagian di Kementerian Pelajaran yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pengelolaan peperiksaan, iaitu Lembaga Peperiksaan, yang harus terlibat dalam kerja-kerja penyediaan kertas-kertas soalan.

Oleh itu adalah tidak perlu, bahkan tidak wajar, bagi Kerajaan menubuhkan sebuah badan penapis untuk mengkaji semua soalan-soalan untuk peperiksaan.

LEBUHRAYA LABUAN

27. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O.K.K. Haji Asneh minta Menteri Kerjara dan Kemudahan-kemudahan menyatakan bilakah Lebuhraya Labuan yang panjangnya tujuh batu itu akan dibubuh dengan tar. Sekiranya Kementerian mempunyai peruntukan bagi membubuh jalan dengan tar, ada baiknya sekiranya lebuhraya ini dibubuh tar secepat mungkin untuk mengelakkan kerosakan yang serious di masa akan datang.

Menteri Kerjara dan Kemudahan-kemudahan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Lebuhraya Labuan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kurang jelas. Walau bagaimanapun adalah dipercayai bahawa jalan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah Jalan Beluloh yang menghubungkan Jalan Mohd. Salleh dengan perhentian Syarikat Minyak Shell di Tanjung Kian Sam yang jauhnya lebih kurang tujuh batu. Jalan ini adalah sebuah jalan penghantar. Saya diberitahu bahawa Kerajaan Negeri Sabah sedar akan pertambahan lalu lintas yang menggunakan jalan ini. Walaupun setakat ini belum ada cadangan segera untuk menabur tar di jalan tersebut, pertimbangan walau bagaimanapun bolehlah diberikan untuk menaikkan taraf jalan ini kepada jalanraya yang baik dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga nanti di bawah Rancangan Jalan-jalan Penghantar.

KEMASUKAN ORANG LUAR (ALIENS) SECARA HARAM

28. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai telah didapati orang-orang luar negeri telah masuk ke negeri ini secara haram dalam 1975, daripada negara manakah mereka itu datang dan apakah tujuannya dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan perkara ini berlaku berlanjutan;

- (b) adakah mereka yang masuk secara haram ini telah terlibat dengan kes-kes jenayah atau dadah, kalau ada, berapa. Apa tindakan yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk menghindarkan kejadian itu; dan

- (c) adakah di antara orang-orang ini terdiri daripada orang-orang yang tidak diingini oleh Malaysia kalau ada, berapa dan daripada negara-negara manakah mereka itu dan apakah tujuan-tujuan mereka datang.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Sepanjang tahun 1975 jumlah orang-orang yang dapat dikesan masuk ke Malaysia secara haram ialah 1,391 orang. Mereka ini datang dari negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand, Singapore dan Philipina. Tujuan mereka datang pada amnya ialah untuk mencari pekerjaan atau melawat saudaramara.

Mereka ini didakwa di mahkamah dan selepas menjalankan hukuman yang dikenakan oleh mahkamah, mereka diusir keluar dan nama mereka dimasukkan ke dalam Senarai Syak Jabatan Imigresen untuk mencegah kemasukan mereka ke negeri ini pada masa yang akan datang.

Orang-orang yang bertanggungjawab membawa atau melindungi mereka juga jikalau didapati didakwa di Mahkamah.

Jabatan Imigresen menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa pada tempat-tempat yang disyaki di mana pemasuk-pemasuk haram berada dan juga apabila menerima maklumat-maklumat dari orang awam.

- (b) Ada di antara pemasuk-pemasuk haram ini yang melakukan jenayah kecil seperti seluk saku yang melibatkan 7 kejadian sepanjang tahun 1975. Ada juga kejadian jenayah yang lebih serious seperti samun dan colek yang sering berlaku di Sempadan Malaysia/Thailand. Kejadian-kejadian itu berlaku di tempat-tempat terpencil dan selalunya penjenayah-penjenayah itu lari masuk ke Selatan Thailand. Oleh itu adalah sukar untuk diketahui dengan tepat samada mereka itu pemasuk haram ataupun orang-orang Malaysia sendiri. Tidak ada kes dadah melibatkan mereka dalam golongan ini.

- (c) Bukan.

SEKOLAH MENENGAH VOKESYENAL

29. Tuan Abit Anak Angkin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbang mengeluarkan arahan supaya Sekolah-sekolah Vokesyenal mengambil lebih ramai lagi mereka-merek yang meninggalkan bangku sekolah dari kawasan-kawasan luar bandar oleh kerana apabila diteliti nyatalah kecilnya bilangan penuntut-penuntut luar bandar yang diterima masuk ke sekolah-sekolah ini berbanding dengan bilangan mereka dari kawasan-kawasan bandar.

Dr Mahathir bin Mohamad: Adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk memberi keutamaan kepada murid-murid yang datang dari luar bandar bagi memasuki Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal dengan syarat mereka mempunyai kelayakan akademik minima untuk memasuki kursus-kursus berkenaan.

Dalam tahun kemasukan 1976 analisa sample Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal menunjukkan sebanyak 51.5% penuntut-penuntut yang ditawarkan memasuki beberapa buah Sekolah Menengah Vokesyenal di bandar-bandar besar, terdiri dari anak-anak kaum tani, pekebun kecil, peneroka, pekerja-pekerja estet dan lain-lain. Peratus ini akan bertambah jika analisa berdasarkan kepada tawaran-tawaran yang telah dibuat untuk memasuki Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal yang letaknya di kawasan luar bandar seperti Alor Gajah, Kangar, Temerloh dan Rembau.

JAMBATAN MERINTANGI SUNGAI KINTA

30. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan samada persetujuan telah tercapai antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Perak untuk membina sebuah jambatan merintang Sungai Kinta bagi menggantikan perkhidmatan feri yang ada sekarang ini jika ya, bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan dan berapa jumlah sumbangan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Kerajaan Negeri Perak memang bercadang hendak membina sebuah jambatan merintang Sungai Kinta yang dimaksudkan oleh Ahli Yang

Berhormat itu untuk menggantikan perkhidmatan feri yang ada sekarang. Projek jambatan ini adalah suatu projek Negeri dan oleh itu tidak ada apa-apa persetujuan dibuat di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan mengenai pembinaannya.

DADAH—KEMPEN CEGAH SALAH-GUNA

31. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) negeri-negeri manakah dalam Malaysia ini yang telah dan yang belum menjalankan kempen anti-penyalahgunaan dadah;
- (b) apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sejak Kempen Anti-penyalahgunaan Dadah diadakan di negara ini; dan
- (c) berapa bilangan pengedar dadah yang telah dapat diberkas dan apakah hukuman yang telah dikenakan kepada mereka.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof):

- (a) Pada hakikatnya semua negeri di Semenanjung Malaysia telah menjalankan kempen mencegah salahguna dadah. Negeri-negeri yang telah menubuhkan Jawatankuasa Mencegah Salahguna Dadah seperti Selangor, Trengganu, Pulau Pinang, Johor dan Negri Sembilan kempen-kempen tersebut dijalankan oleh Jawatankuasa ini. Sementara kempen-kempen di negeri-negeri lain, pula dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela, kelab-kelab belia, kelab-kelab perkhidmatan seperti Kelab Rotary, Kelab Lion dan lain-lainnya serta juga parti-parti politik seperti UMNO dan sebagainya. Pusat Biro Narkotik adalah memberi kerjasama yang penuh dalam semua kempen-kempen yang telah dijalankan itu. Di samping itu beberapa negeri sedang merancang untuk menubuhkan Jawatankuasa Mencegah Salahguna Dadah dan seterusnya mengadakan kempen mencegah salahguna dadah dengan lebih menyeluruh lagi.
- (b) Sebenarnya dalam hal-hal bersangkut dengan kempen mencegah salahguna

dadah ini kita tidak dapat mengukur kejayaannya kerana kejayaan yang dicapai tidak nampak dengan sekelip mata. Kita hanya dapat melihat kemajuannya sahaja dan di antara kemajuan-kemajuan yang dicapai ialah:

- (i) mendatangkan kesedaran orang ramai terhadap masalah salahguna dadah dan dengan adanya kesedaran ini dapatlah mereka bersama-sama melibatkan diri menentang kegiatan penyalahgunaan dadah ini. Kesedaran mereka adalah meliputi dua aspek iaitu dengan menolong penagih-penagih untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan dan menyampaikan maklumat terhadap pengedar-pengedar dadah;
- (ii) mendatangkan keinsafan kepada beberapa orang penagih dadah sendiri yang berazam untuk balik menjadi anggota masyarakat yang berguna.
- (c) Bilangan-bilangan pengedar dadah yang dapat diberkas dari tahun 1971-1975 adalah seperti berikut:

1971	...	...	908 orang
1972	...	...	1,155 orang
1973	...	...	1,613 orang
1974	...	...	1,819 orang
1975	...	...	3,202 orang

Hukuman yang dikenakan ke atas mereka adalah setimpal dengan jenis dan banyaknya dadah yang didapati pada mereka semasa ditangkap. Pengedar-pengedar heroine dan morphine yang memiliki 5 gram atau lebih dadah-dadah tersebut semasa ditangkap dikenakan hukuman penjara sekurang-kurangnya 3 tahun jika sabit kesalahan mereka oleh Mahkamah. Dalam kes-kes yang tidak mempunyai bukti yang cukup untuk penyeludup-penyeludup atau pengedar-pengedar berkenaan untuk dibawa ke mahkamah, mereka itu dikenakan hukuman buang daerah atau ditahan di Pulau Jerejak. Sementara itu sehingga ini 15 orang penyeludup dan pengedar dadah sedang menunggu untuk dibicarakan di bawah Undang-undang Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan 1975) dalam

mana jika sabit kesalahan mereka, maka mereka boleh dikenakan hukuman bunuh sehingga mati atau dipenjarakan seumur hidup dan disebat dengan rotan.

LETRIK KE KAMPUNG TANJONG BELANJA

32. Tuan Mohd. Bakri bin Rais minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan bilakah letrik akan dibekalkan ke kawasan Kampung Tanjong Belanja, Parit dan juga kampung-kampung di sekitarnya memandangkan perkara ini telah berkali-kali dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Saya tidak dapat menyatakan di dalam Dewan ini bilakah masanya yang sebenar bekalan letrik akan dibekalkan ke kawasan Kampung Tanjong Belanja, Parit dan juga kampung-kampung sekitarnya yang masih belum mendapat bekalan letrik. Ahli Yang Berhormat tentu maklum bahawa di dalam Rancangan Bekalan Letrik Luarbandar, Kerajaan Negeri adalah diminta menyediakan senarai Kampung-kampung atau kawasan-kawasan di dalam negeri masing-masing yang akan dibekalkan dengan letrik tiap-tiap tahun. Ini bermakna Kerajaan Negerilah yang menentukan keutamaan satu-satu projek bekalan letrik ini ke kampung-kampung terlebih dahulu sebelum permohonan-permohonan dihantar ke Kementerian saya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam tahun 1975 dua projek bekalan letrik luarbandar di kawasan Parit, Perak telah diluluskan. Kedua-dua projek tersebut ialah untuk Kampung Panchor, Bota Kanan, Parit dan Kampung Talang Bantin, Parit.

Projek-projek untuk tahun 1976 masih lagi dalam pertimbangan Kerajaan Negeri Perak. Oleh itu, jika Ahli Yang Berhormat berpendapat bahawa bekalan letrik sangat diperlukan di kawasan-kawasan yang dimaksudkan itu saya syorkan supaya Yang Berhormat menghubungi Kerajaan Negeri Perak untuk tahun ini ataupun dalam tahun-tahun yang akan datang.

PEMBELIAN KAPALTERBANG SYARIKAT NORTHROP

33. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar akan tuduhan rasuah mengenai pembelian kapalterbang-kapalterbang F5 daripada Syarikat Northrop dan jika sedar, samada Biro Siasatan Negara telah menyiasat tuduhan tersebut dan apakah tindakan beliau akan diambil.

Menteri Pertahanan (Datuk Hossein bin Onn): Saya telah menjawab satu soalan yang sama pada 31hb Mac, 1976 yang lalu. Sila lihat jawapan saya kepada soalan mulut bilangan 23 pada hari tersebut.

SEKOLAH MENENGAH WESTON DAN KOTA KLIAS—KEPUTUSAN PEPERIKSAAN L.C.E.

34. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O. K. K. Haji Asneh minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah keputusan-keputusan S.R.P. tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975 bagi penuntut-penuntut Sekolah Menengah Weston dan keputusan-keputusan S.R.P. tahun 1975 bagi penuntut-penuntut Sekolah Menengah Kota Klias tidak dikeluarkan. Samada beliau akan meminta pihak berkuasa yang berkenaan mengeluarkan keputusan-keputusan tersebut demi kepentingan masa depan penuntut-penuntut itu.

Dr Mahathir bin Mohamad: Keputusan Peperiksaan yang dimaksudkan itu ialah keputusan Peperiksaan L.C.E. dan bukannya Peperiksaan S.R.P. Keputusan Peperiksaan L.C.E. 1973 dan 1975 bagi Sekolah Menengah Weston telahpun dikeluarkan tetapi keputusan Peperiksaan L.C.E. bagi tahun 1974 bagi sekolah tersebut telah dibatalkan. Keputusan Peperiksaan L.C.E. 1975 Sekolah Menengah Kota Klias juga telah dibatalkan. Pembatalan tersebut dibuat kerana telah berlaku tiru-meniru yang berleluasa di pusat-pusat peperiksaan tersebut.

SIARAN TV DI SARAWAK—BAHASA IBAN/CHINA

35. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Penerangan menyatakan samada terdapat rancangan untuk memulakan rancangan-rancangan TV dalam Bahasa-bahasa Iban dan China di Sarawak.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Pada masa ini tidak ada kemudahan-kemudahan untuk menyiarkan Bahasa-bahasa Iban dan China di Sarawak kerana sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum siaran TV ke Sarawak waktu ini adalah siaran yang disalurkan dari Rangkaian Nasional yang dipancarkan dari Kuala Lumpur yang hanya menyiarkan rancangan-rancangan dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Di Sarawak tidak ada rangkaian kedua untuk menyiarkan rancangan-rancangan dalam bahasa-bahasa lain.

PERATURAN KESELAMATAN DI HOSPITAL

36. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengetatkan lagi peraturan-peraturan keselamatan di hospital-hospital memandangkan kepada insiden pencolekan bayi yang berlaku di Hospital Besar Kuala Lumpur dan insiden penikaman di Hospital Besar Melaka.

Tan Sri Lee Siok Yew: Soalan yang sama telahpun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi di Dewan yang mulia ini pada 2hb April, 1976, dan saya telahpun memberikan jawapannya.

LESEN PENCETAK—PERMOHONAN

37. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan permohonan untuk mendapatkan lesen pencetak yang Kementerian beliau telah terima pada tahun 1975 dan pada tahun ini, hasil keputusan mengenai permohonan-permohonan tersebut, dan samada benar atau tidak iaitu telah menjadi dasar Kementerian beliau tidak mahu mengeluarkan lesen-lesen kepada pemohon-pemohon yang bukan bumiputra; jika ya, nyatakan bilakah dasar tersebut dikuatkuasakan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Sbafe: Jumlah bilangan permohonan untuk mendapat lesen cetak yang diterima pada tahun 1975 dan tahun 1976 hingga 31hb Mac,

1976 dan keputusannya adalah seperti berikut:

	1975	1976 hingga 31hb Mac
Jumlah permohonan untuk mendapat lesen cetak yang diterima	721	687
Yang diluluskan ...	629	597
Yang ditolak ...	26	5
Dalam siasatan ...	66	85

Bukanlah dasar Kementerian ini untuk menyekat pengeluaran lesen-lesen cetak kepada pemohon-pemohon yang bukan bumiputra.

PINJAMAN KERAJAAN MALAYSIA

38. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Kewangan sebutkan jumlah besar pinjaman-pinjaman wang yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dari:

- dalam negeri;
- luar negeri, sejak tahun 1964 hingga sekarang; dan
- jumlah faedah yang dibayar tiap-tiap tahun kepada semua pinjaman luar dan dalam negeri sejak 1964.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):

- Jumlah bersih pinjaman dalam negeri yang diperolehi (raised) oleh Kerajaan Malaysia sejak tahun 1964 hingga tahun 1975 ialah M\$7,225.7 juta.
- Jumlah pinjaman dari luar negeri yang diperolehi (raised) oleh Kerajaan Malaysia sejak tahun 1964 hingga tahun 1975 ialah M\$4,514.3 juta dan wang sebanyak M\$849.9 juta telah dibayar sebagai pembayaran balik pokok pinjaman.
- Jumlah bayaran faedah dan lain-lain bayaran yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia ke atas pinjaman-pinjaman dari dalam dan luar negeri sejak tahun 1964 hingga tahun 1975 adalah bermula dari M\$147.4 juta pada tahun 1964 hingga M\$610.0 juta pada tahun 1975. Kenaikan jumlah pembayaran faedah dan lain-lain bayaran itu sejak 1964 adalah kerana bertambahnya pinjaman-pinjaman dari dalam dan luar negeri

untuk membiayai projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia Pertama dan Kedua.

PUSAT PENGAJIAN SETARAF DENGAN I.T.M.

39. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerianya bercadang hendak mengadakan Pusat-pusat Pengajian yang setaraf dengan Institut Teknologi MARA di Negeri-negeri dengan tujuan mengurangkan jumlah penuntut-penuntut di Institut Teknologi MARA di Shah Alam.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tidak. Kementerian Pelajaran belum lagi mempunyai cadangan hendak menubuhkan Pusat-pusat Pengajian yang setaraf dengan Institut Teknologi MARA di negeri-negeri akibat dari cadangan mengurangkan jumlah penuntut di Institut Teknologi MARA, Shah Alam.

Walau bagaimanapun, jika didapati bahawa ini adalah cara yang boleh menolong peranan Institut Teknologi MARA dalam melatih tenaga bumiputra, kemungkinan mengadakan pusat-pusat ini akan ditimbang.

BUKU TEKS SEKOLAH

40. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar akan kelewatan membekal buku-buku teks ke sekolah-sekolah, memandangkan bahawa penggal pertama persekolahan hampir tamat, jika ya, apakah tindakan yang beliau akan ambil ke atas perkara ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Saya telah memberi penerangan yang lanjut mengenai perkara ini semasa menjawab soalan yang sama dari Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab Yunus pada 7hb April, 1976 yang lalu. Oleh itu, dapatlah kiranya Ahli Yang Berhormat merujuk kembali kepada jawapan itu.

AKAUN SYARIKAT-SYARIKAT KERJASAMA

41. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah akaun Syarikat-syarikat Kerjasama berasaskan pertanian 1973, 1974 dan 1975 (mengikut

tahun odit) yang belum selesai diodit ~~sekarang~~ ini. Bilakah akaun Persatuan Peladang yang terbiar semenjak 1967/1968 itu baru diodit oleh Juru Odit dan sebanyak mana lagi akaun yang tersebut (mengikut tahun odit) yang belum diselesaikan pengoditannya sehingga 31-12-1975. Nyatakan sebab-sebab berlaku demikian.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Jumlah tahun odit akaun Syarikat-syarikat Kerjasama yang belum selesai diodit adalah seperti berikut:

tahun 1973	tahun 1974	tahun 1975
73	165	1,198

Akaun Persatuan Peladang mula diodit dalam bulan Jun tahun 1975. Jumlah tahun odit akaun Persatuan Peladang yang belum selesai pengoditannya ialah 161.

Ada beberapa sebab akaun-akaun Syarikat-syarikat Kerjasama berasaskan pertanian dan Persatuan-persatuan Peladang tidak dapat diodit dengan segera. Kebanyakan Syarikat-syarikat Kerjasama berasaskan pertanian berjumlah 1,535 buah dan syarikat-syarikat ini adalah di luar bandar, tidak begitu besar dan tidak pula mampu untuk mengadakan bendahari yang berkelulusan menjaga buku kira-kira mereka. Bendahari-bendahari ini pula menjalankan tugasnya secara sukarela dan mereka dipilih tiap-tiap tahun. Pengoditan syarikat-syarikat ini sebelum diambilalih oleh Lembaga Pertubuhan Peladang pada tahun 1973 adalah tanggungjawab Jabatan Pembangunan Koperasi (dahulunya Jabatan Kemajuan Kerjasama). Disamping melatih bendahari-bendahari syarikat ini bagaimana hendak menyimpan buku kira-kira, Jabatan Pembangunan Koperasi juga menghadapi kesulitan iaitu dari segi kekurangan Juru Odit-Juru Odit mereka. Mereka hanya mempunyai seramai 90 orang Juru Odit untuk mengodit semua Syarikat-syarikat Kerjasama berjumlah 2,611 buah. Juru Odit-Juru Odit ini tidak semuanya terlatih dan mengambil masa sekurang-kurangnya 3 bulan untuk dilatih. Kerap juga berlaku pemberhentian Juru Odit-Juru Odit ini kerana mencari kerja yang lebih lumayan. Maka sudah tentulah ini merupakan satu kesulitan juga kepada Jabatan Pembangunan Koperasi. Walaupun demikian, dengan keadaan yang seperti di

atas ini, akaun-akaun Syarikat-syarikat Kerjasama berasaskan pertanian dapat juga diodit lebih kurang 50% tiap-tiap tahun.

Pada tahun 1973 Syarikat-syarikat Kerjasama berasaskan pertanian telah diambilalih oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga ini juga mengalami masalah yang serupa dialami oleh Jabatan Pembangunan Koperasi. Sebagai satu organisasi yang baru, Lembaga Pertubuhan Peladang juga mengalami kekurangan kakitangan yang terlatih terutamanya Juru Odit-Juru Odit.

Berkenaan dengan Persatuan Peladang pula sebelum diambilalih oleh Lembaga Pertubuhan Peladang pada tahun 1973 pengoditan akaun-akaunnya adalah tanggungjawab Jabatan Pertanian. Walaupun bilangan Persatuan-persatuan Peladang di masa itu tidak begitu besar, tetapi Jabatan Pertanian telah menghadapi masalah tidak mempunyai Juru Odit. Pengoditan akaun-akaun Persatuan-persatuan itu dilakukan oleh Pembantu-pembantu Pertanian yang tidak langsung mempunyai pengetahuan dalam bidang odit. Mereka perlu dilatih supaya dapat menjalankan pengoditan dan sehingga Persatuan-persatuan Peladang ini diambilalih oleh Lembaga Pertubuhan Peladang, Jabatan Pertanian tidak mempunyai seorang Juru Odit pun.

Maka kesulitan-kesulitan yang disebutkan di atas ini telahpun mendatangkan kerumitan dan timbullah masalah akaun-akaun Syarikat-syarikat Kerjasama berasaskan pertanian dan Persatuan-persatuan Peladangnya tidak dapat diodit kesemuanya.

Walaupun demikian dengan pemindahan Persatuan-persatuan Peladang dan Syarikat-syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian mulai tahun 1973 kepada Lembaga Pertubuhan Peladang, perkara pengoditan ini telah beransur baik.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PER- SEKUTUAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965; dibawa ke

dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN HAIWAN NEGARA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG PER- SATUAN PELADANG (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Persatuan Peladang, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG PER- TUBUHAN PELADANG (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Pertubuhan Peladang, 1973; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT TEKNOLOJI MARA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan bagi menambak, menyanggara dan mentadbirkan Institut Teknologi MARA dan bagi lain-lain perkara yang berhubung dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pelajaran; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI- INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan tatatertib dalam institusi-institusi pelajaran, dan mengenai perkara-perkara yang berkenaan dengannya; dibawa ke

dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pelajaran; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA—LANTIKAN NAIB PENERUSI

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tuan Lee Boon Peng dilantik menjadi Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin masih ingat lagi bahawa dalam persidangan Dewan ini yang lepas Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan No. 77 berkaitan dengan perantikan Ahli-ahli Jawatankuasa tersebut telah dipinda supaya peruntukan juga dibuat bagi perantikan seorang Naib Pengerusi. Sebelum pindaan itu, Peraturan yang berkenaan hanya menguntukkan jawatan Pengerusi sahaja, dan memandangkan kepada tugas-tugas Jawatankuasa ini yang berat adalah menimbulkan masalah apabila Pengerusi Jawatankuasa itu tidak dapat hadir disebabkan keuzuran ataupun lain-lain hal. Jadi dengan adanya jawatan Naib Pengerusi, Jawatankuasa tersebut bolehlah menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna. Sepertiantikan Pengerusi, perantikan Naib Pengerusi adalah dikehendaki dibuat oleh Dewan ini juga.

Di samping menjadi Wakil Rakyat, Yang Berhormat Tuan Lee Boon Peng adalah juga seorang Peguambela dan Peguamcara persendirian di Seremban yang telah menjayakan diri dengan tenaganya sendiri dan semangat berdikarinya. Walaupun beliau sebak di dalam bidang Undang-undang dapat juga sudi melapangkan masa sejak lama lagi berkecimpung di dalam bidang perniagaan, sukan dan juga dalam bidang khidmat masyarakat seperti menjadi Ahli Mahkamah Perusahaan semenjak tahun 1973, Ahli Lembaga Pelawat Hospital Besar, Seremban, semenjak tahun 1973 dan Ahli Panel "Visiting Justices" Penjara Seremban semenjak tahun 1972. Oleh sebab itu, beliau pun telah dianugerahkan bintang-bintang kehormatan dan tidak perlu saya menyatakan di sini.

Dengan lain perkataan, Yang Berhormat Tuan Lee Boon Peng adalah mempunyai latar belakang dan pengalaman yang luas dari beberapa segi termasuklah pengalamannya dalam bidang perniagaan dan sosial. Oleh yang demikian, saya yakin bahawa denganantikan Ahli Yang Berhormat itu sebagai Naib Pengerusi beliau akan membawa kematangannya dan dapat menyumbangkan perkhidmatan yang lebih luas lagi kepada Dewan ini di samping Jawatankuasa tersebut dapat menjalankan tanggungjawabnya sebagaimana yang ditugaskan oleh Dewan ini dengan beres dan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan amat sukacitanya, saya mohon mencadangkan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Yang Berhormat Tuan Lee Boon Peng dilantik menjadi Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.41 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Kastam 1967" dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Seksyen 2 (1) Seksyen 81 (i), Seksyen 83, 84 dan 142 kepada Akta Kastam 1967.

Pindaan-pindaan ini adalah bertujuan untuk memperketatkan lagi kawalan kastam berhubung dengan pergerakan barang-barang tidak berduti menerusi sempadan-sempadan negara yang diangkut dengan secara selain daripada jalanraya, keretapi, laut dan udara. Pada masa ini takrif "impot" dan "expot" di bawah Seksyen 2 (1) Akta Kastam hanya terhad kepada impot dan eksport dengan cara darat, laut dan udara. Seksyen-seksyen 81, 82,

83, 84, 85 dan 86 dalam Akta yang sama memperuntukkan kawalan kastam ke atas barang-barang yang tidak berduti yang diimpot dan diekspot secara laut, udara, keretapi dan jalanraya. Dari itu jelaslah bahawa pada masa ini tidak ada peruntukan bahawa dalam Akta Kastam yang berhubung dengan kawalan impot dan ekspot barang-barang yang tidak berduti dengan cara-cara lain seperti impot dan ekspot minyak mentah melalui saluran paip. Untuk mengadakan kawalan yang lebih kemas di atas impot dan ekspot barang-barang yang tidak berduti dengan cara-cara selain daripada laut, udara, keretapi dan jalanraya, adalah dicadangkan bahawa Seksyen 2 (1), 81 (1), 83, 84 (1) dan 142 dalam Akta Kastam dipinda seperti berikut:

(A) Seksyen-kecil (1) kepada Seksyen 2 Akta Kastam dipinda dengan memasukkan tambahan takrif berikut selepas takrif ekspot.

- (a) "export by road" includes exportation in any manner or by any means by land, and includes, in particular, exportation through the land by means of a pipeline;
- (b) "export by sea" includes exportation in any manner or by any means by sea, and includes, in particular, exportation through the sea by means of a pipeline."

(B) Pindaan yang sama termasuk impot melalui saluran-saluran paip, cara-cara yang lain juga dibuat di dalam takrif impot di bawah seksyen-kecil 2 (1) yang sama.

Pindaan-pindaan kepada takrif "impot" dan "ekspot" bagi Seksyen 2 (1) akan meliputi semua cara pengangkutan, termasuk saluran-saluran paip. Berikutan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan seperti yang diterangkan terlebih dahulu adalah juga dicadangkan meminda Seksyen-seksyen 81 (1), 83, 84 (1) untuk membolehkan peraturan Kastam dibuat terhadap pergerakan impot dan ekspot barang-barang yang tidak berduti melalui saluran-saluran paip dengan cara-cara lain juga. Selanjutnya dicadangkan meminda Seksyen 142 untuk memberi kuasa kepada Menteri Kewangan menentukan tempat untuk mengimpot dan mengekspot dengan cara-cara selain daripada jalanraya, laut, udara dan keretapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.45 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan kerana saya berpendapat satu-satu perkara yang beri kebaikan kepada negara walaupun dengan saluran paip patut kita adakan. Di masa yang sudah-sudah, di dalam Rang Undang-undang yang berkenaan tidak ada; maka menasabah sangatlah Rang Undang-undang ini dipinda dan digantikan atau ditambah apa yang patut.

Di samping itu, saya sukalah mengesyorkan beberapa perkara lagi yang bersangkutan dengan Kastam agar perkara yang ada itu bertambah baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kata Menteri yang berkenaan tadi, perkara-perkara yang dititikberatkan oleh pihak Kastam ialah Negeri-negeri yang bersempadan dengan Malaysia, yang saya faham sempadan ini tidak lain tidak bukan kalau sebelah utara ialah Perlis, Kedah, Kelantan dan harus sebahagian daripadanya Negeri Perak. Maka Negeri inilah menjadi sempadan di sebelah utara selain daripada sebelah selatan. Dan barang-barang juga telah dibawa masuk mengikut sempadan-sempadan negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini inginlah saya menyatakan ada beberapa barang yang telah dibenarkan dibawa masuk ke negara kita mengikut jalanraya yang dibenar dengan mendapat kebenaran. Tetapi saya khuatir dan saya dapati banyak penduduk-penduduk tempatan khuatir di samping barang-barang yang telah diluluskan oleh pihak Kastam itu, diseludupkan sama barang-barang yang membahayakan kepada negara. Maka dengan sebab itulah saya berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan dan kepada pegawai-pegawai Kastam walaupun kita tahu barang itu telah mendapat permit atau kebenaran yang nyata tetapi hendaklah diperiksa dengan teliti. Saya amatlah takut kerana di samping barang-barang yang dibenar tadi akan disulam dengan barang-barang yang membahayakan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kerana adanya setengah orang yang hendak melarikan barang-barang yang diharamkan dengan cara melarikan cukai, memandu kenderaan-kenderaan terlampau laju. Banyak kenderaan-kenderaan ini telah membahayakan bukan sahaja kepada negara sebab mereka melarikan barang-barang yang kena cukai, maka membahayakan keselamatan jalanraya yang mana selalu berlaku pelanggaran mengakibatkan kecederaan dengan kenderaan-kenderaan yang membawa barang-barang tersebut. Jadi saya berharaplah kepada Kementerian yang berkenaan untuk berhubung rapat dengan Kementerian Dalam Negeri supaya orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk merosakkan negara dan merosakkan keselamatan orang di tepi jalanraya supaya diambil tindakan yang sewajarnya. Ini selalu berlaku di negeri saya sendiri iaitu di Perlis.

Yang ketiga, di samping kita mengambil tindakan siapa yang bersalah dan mengambil cukai pada apa yang patut, timbang rasa yang sewajarnya patutlah kita berikan kepada pengguna-pengguna yang tertentu. Misalnya, saya katakan ada di antara pengguna-pengguna yang membeli barang-barang dari Negeri Thai, tegasnya Padang Besar yang dekat dengan Perlis. Ada setengah barang itu kena cukai. Tetapi diambil tindakan yang begitu teruk oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Biasa berlakunya, Tuan Yang di-Pertua, dibeli beras pulut secupak untuk orang yang mengandungi kerana mengidam dan diambil tindakan yang bukan pada tempatnya, tetapi satu kenderaan yang berisi dengan lapan guni dilepaskan dan banyakkah perkara-perkara yang tidak berperikemanusiaan. Saya berpendapat kalau hendak diambil tindakan untuk kebaikan negara patutlah kita ambil, tetapi dari segi perikemanusiaan kalaulah seseorang itu membeli untuk kegunaan dirinya sendiri, apatah lagi bagi orang-orang yang mengidam yang saya katakan tadi ataupun barang-barang yang difikirkan patut jangan diberikan terlampau ketat. Begitu juga di Pulau Pinang kalau ada seseorang itu membeli untuk kegunaan dia sendiri di samping dia berkelah ke Pulau Pinang, pihak Kastam patutlah menimbangkan dengan teliti dan janganlah didenda dengan begitu teruk. Orang ini bukanlah hendak berniaga, tetapi sambil dia berkelah ataupun makan angin dia akan membeli satu dua cendera mata samada dia pergi ke

Padang Besar kalau dia orang sebelah selatan, begitu jug orang utara ke Pulau Pinang.

Jadi, saya berharaplah walaupun benda ini salah tetapi demi perikemanusiaan patutlah dilonggarkan kepada pembawa-pembawa ini supaya dapat kebaikan kepada kita bersama dan kepada orang yang menjalankannya dengan tidak bertanggungjawab macam saya katakan tadi boleh merosakkan negara patutlah kita mengambil tindakan yang sewajarnya.

3.51 p.m.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Kastam (Pindaan), 1976 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi dan saya sangat-sangatlah bersetuju dengan kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi yang mana pindaan ini dibuat sesuai dengan zaman kemajuan teknik moden mengenai pengangkutan yang terdapat pada masa sekarang, terutama sekali bersabit dengan impot dan eksport yang pada masa lalu menggunakan cara-cara darat, laut dan udara sahaja sedangkan di zaman sekarang mungkin dengan cara-cara yang lain, umpamanya, dengan menggunakan saluran paip seperti minyak petroliaam.

Menyentuh perkara minyak dan Kastam ini, izinkan saya hendak menyentuh sedikit sahaja bersabit dengan penjualan minyak disel. Walaupun minyak disel telah dinaikkan harganya baharu-baharu ini tetapi perkara kekurangan minyak disel ini nampaknya terus juga berlaku lagi. Jadi, sungutansungutan orang ramai saya mendapat bahu setengah-setengah wakil penjual minyak tidak mahu menjualkan minyaknya kepada setengah-setengah orang tetapi menjual kepada setengah-setengah orang yang tertentu sahaja. Bila seseorang yang tertentu datang hendak membeli minyak, minyak ada sedangkan baharu sebentar tadi di tempat penjualan minyak disel itu mengatakan minyak tidak ada. Memandangkan perkara seperti ini ada kemungkinannya bahawa perbuatan ini ada tujuan-tujuan yang tertentu oleh setengah-setengah wakil penjual minyak. Saya menyerulah kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengadakan suatu peraturan yang mewajibkan di tempat-tempat menjual minyak menulis di papan tanda

untuk memberitahu bahawa di pusat ini minyak telah habis, di tempat-tempat yang mudah dilihat oleh orang ramai. Saya juga menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengarahkan Pegawai-pegawai Pengangkuatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengadakan pemeriksaan mengejut ke pusat-pusat menjual minyak. Saya yakin dengan cara ini Kerajaan akan dapat mengatasi sungutan-sungutan orang ramai yang pada masa sekarang dapat juga mengatasi perbuatan yang mungkin dilakukan oleh setengah-setengah wakil menjual minyak di negara kita sekarang ini.

Menyentuh perkara wakil menjual minyak di berapa buah syarikat minyak di negara kita, saya mendapat faham bahawa orang-orang bumiputra yang dapat peluang menjalankan perniagaan minyak petroleum sangat-sangatlah kecil bilangannya di seluruh negara pada masa ini jika dibandingkan dengan perniagaan-perniagaan yang bukan bumiputra. Dengan sebab itu, saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil satu langkah yang agak lebih berkesan sedikit kepada syarikat-syarikat minyak yang ada dalam negara kita pada masa ini supaya memberikan pertimbangan yang agak istimewa sedikit kepada orang-orang bumiputra, yang ingin hendak menjalankan perniagaan minyak, dan jika mustahak membuat suatu peraturan iaitu pada masa akan datang stesyen-stesyen minyak hendaklah diberikan kepada pengusaha-pengusaha bumiputra untuk menjadi suatu had atau quota bagi mencapai had yang tertentu dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Menyentuh mengenai Kastam, saya menyeduh kepada Kementerian yang berkenaan supaya memberikan hadiah yang agak lebih lumayan sedikit kepada orang ramai yang memberikan maklumat-maklumat bersabit dengan penyeludupan ini. Hal ini adalah bertujuan untuk menggalakkan orang ramai memberikan maklumat-maklumat yang mustahak kepada Kastam di atas perbuatan-perbuatan pihak penyeludup yang pada masa ini nampaknya lebih giat daripada masa yang sudah-sudah.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan sokongan saya bahawa saya menyokong sepenuhnya Akta bagi meminda Akta Kastam, 1967.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 36 (1) yang berbunyi:

Bahawa seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan perkara-perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu.

Pada hari semalam dan tadi juga saya telah melonggarkan sedikit perkara ini tetapi janganlah terlalu jauh sangat.

3.57 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong pindaan Akta Kastam, 1967 perkara yang berkenaan dengan impot dan eksport. Saya ucapkan tabiah kepada Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berkenaan yang dapat memandang jauh ke hadapan iaitu kepada satu zaman negara kita akan menjadi negara minyak. Sebelum sesuatu penyelewengan berlaku terhadap perusahaan minyak kita pada masa akan datang, maka siang-siang atau awal-awal lagi kita telah nampak bahawa Akta Kastam yang ada sekarang perlu dipinda sesuai dengan satu zaman di mana negara kita akan menjadi sebuah negara pengeluar minyak yang terbesar di dunia.

Dalam hal perusahaan minyak yang terbesar ini tentulah kita terdedah kepada penyelewengan dan penipuan yang besar yang boleh merugikan negara kita iaitu dengan melarikan minyak dengan jalan eksport keluar negeri, satu daripadanya ialah menggunakan paip seperti yang disebutkan dalam Akta ini. Sangatlah sesuai bahawa sekarang kita meletakkan satu Akta, satu daripada cara atau jalan impot eksport itu bukan sahaja dengan keretapi, motokar, kapal-terbang atau lain-lain cara seperti perahu dan sampan tetapi juga satu masa dalam zaman teknologi dan sains ini manusia boleh membuat paip menyalurkan minyak kita ke negeri jiran atau ke negeri asing atau kepada kapal-kapal yang menunggu jauh di laut yang diluar daripada jagaan kita. Dan apabila ini berlaku maka tentulah negara kita akan menghadapi sesuatu kerugian yang besar. Bukan sahaja minyak, kita telah rasa sekarang banyak hasil-hasil negara kita hilang dengan sebab penyelewengan berlaku dan

dengan sebab barangkali Akta Kastam kita tidak begitu kuat. Satu daripadanya getah, banyak penyelewengan berlaku kepada getah yang menyebabkan sekarang kita baharu meminda Akta Getah. Bijih macam itu juga, sedangkan dari dalam setor banyak dibawa lari oleh orang. Begitu juga terhadap perkara lain-lain hasil, kelapa sawit pun ada dibawa lari oleh orang, minyak pasti akan berlaku.

Dalam hal ini saya suka menyebutkan supaya Kastam memberi perhatian yang besar apabila kita masuk dalam zaman minyak iaitu mengawasi betul-betul supaya minyak kita tidak dapat ditipu lagi oleh orang ataupun dijalankan penyelewengan membawa lari minyak kita keluar negeri, bukan sahaja dengan jalan paip, tetapi juga barangkali dengan jalan impot-ekspot melalui kenaikan-kenaikan kapal yang bersubahat di laut kerana pada masa itu minyak kita boleh dikatakan barangkali beratus ribu ataupun berjuta tong dalam satu hari dan oleh sebab terlampau banyak sudah terkeluar daripada kawalan kita, jadi pada masa itu orang akan menggunakan kelemahan Kastam kita ataupun kelemahan Akta Kerajaan kita melarikan minyak kita keluar negeri dan kita mendapat kerugian yang sangat besar. Sebelum perkara itu berlaku, maka Akta ini dibawa di sini, saya rasa patut diberi tahniah dan pujian kepada Kementerian yang berkenaan atas pandangan yang jauh ini.

Dalam hal ini, saya suka menyentuh apabila zaman ini sampai maka patutlah dari seawrang kita bersedia melatih pegawai-pegawai Kastam kita ini lebih banyak lagi dan sekarang pun kita nampak Pegawai Kastam kita tidak dapat hendak membendung daripada berlakunya perkara impot-ekspot yang haram masuk ke dalam negeri kita dan dibawa keluar dari neger kita. Kita tengok pada masa berlaku kekurangan atau krisis minyak tanah. Minyak tanah kita dapat dibawa lari oleh orang ke negeri Siam, jadi negeri-negeri yang di sempadan seperti negeri Kelantan, Trengganu dan Perlis tidak ada minyak, pada hal Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengatakan bekalan minyak kita banyak dan apabila diasas ada anasir jahat yang membawa lari minyak kita ke sempadan Siam dan di sana mereka boleh menjualnya dengan harga yang lebih mahal. Ini menunjukkan bahawa pengawalan kita terhadap hasil negara kita melalui kastam masih tidak cukup, masih tidak dibuat

dengan betul-betul teliti, dengan sebab itu hasil negara kita boleh dibawa lari dan banyak lagi perkara-perkara yang lain. Beras boleh dibawa lari dengan mengikut jalan laut ke Singapura. Kita ada pantai laut yang panjang juga dan kita ada bot laju Kastam, tetapi sebanyak itu juga hasil negara kita boleh dibawa lari oleh orang. Ini menunjukkan bahawa kita masih kekurangan lagi dalam pengawalan Kastam samada kita kurang orang ataupun kita kurang alat-alat, umpamanya bot-bot laju patut ditambah, rondaan patut ditambah dan kawalan di sempadan patut ditambah oleh sebab jalan raya semakin banyak dibuat. Jad saya minta kepada pihak Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan supaya dari sekarang mengambil banyak lagi anak-anak muda kita menjadi Pegawai Kastam samada pegawai gelap Kastam atau pegawai biasa untuk mengawal sempadan kita supaya benar-benar bahawa kita sebuah negeri yang kaya ini hasil kekayaan kita tidak dapat lagi diseleweng oleh orang-orang yang cuba hendak mencari keuntungan dengan dibawa keluar sedangkan getah pun kita dengar dibawa lari keluar dan begitu juga bijih dan sebagainya dapat dijalankan penipuan. Kita dengar di negeri-negeri yang maju sekalipun, umpamanya, neger Mesir bagaimana tinggi dan kuatnya pyramid dibuat, tetapi akal manusia boleh mencari bagaimana dia hendak mengambil harta dalam pyramid dengan menggali lubang jauh berbata-batu di padang pasir sampai ke bawah tanah melalui pyramid dan dapat diambil barang-barang permata Firaun. Jadi inilah juga yang boleh terjadi bahawa dapat disalurkan minyak kita melalui paip yang kita tidak tahu di bawah tanah, di dalam laut yang menyebabkan kita mendapat kerugian yang besar.

Dalam hal ini saya menyokong penuh dan sekali lagi memberi pujian yang tinggi kepada pihak Kerajaan atas pengawasan dan pandangan jauhnya terhadap bahaya-bahaya yang akan menimpa kita apabila kita masuk kepada sebuah negara perumahan minyak yang terbesar di sebelah sini.

4.05 pg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang Dipertua, saya menyokong penuh di atas pindaan Akta Kastam, 1967 dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan di atas kebijaksanaan yang mana ekspot

dan impot ini adalah dilakukan melalui darat, udara dan sebagainya tetapi pindaan-pindaan ini lebih dahulu telah dibuat oleh Kementerian ini untuk mencari cara talian paip yang ditanam. Mungkin pada masa yang akan datang penyeludup-penyeludup ataupun orang yang melarikan benda-benda ini akan mengadakan satu paip untuk mengeluarkan atau memasukkan ke dalam negara ini, lebih-lebih lagi implikasi kewangan pula tidak melibatkan perbelanjaan tambahan. Saya percaya Kementerian ini boleh mengadakan satu pasukan khas berkenaan dengan mencari barang-barang atau paip-paip talian yang ditanam serta memberi latihan-latihan yang cukup agar pindaan-pindaan ini tidaklah dibuat pindaan sahaja tetapi tidak dengan kerja usaha ataupun mendapat kawalan yang ketat oleh Kementerian ini.

4.06 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran yang membina apabila membahaskan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita pada petang ini.

Saya suka nyatakan di sini bahawa tujuan Rang Undang-undang ini dibawa ke Majlis yang mulia ini ialah untuk menguatkan lagi kawalan Kastam ke atas barang-barang yang tidak berduti yang diimpot dan eksport secara laut, udara, keretapi dan jalanraya oleh kerana pada masa ini tidak ada peruntukan bagi pihak Kementerian untuk mengawal barang-barang yang diekspot ataupun yang diimpot menerusi saluran paip. Jadi kami dapati mengikut maklumat yang diterima bahawa ada lima talian paip yang menghubungkan Kuala Belait di Brunei dengan Lutong di Sarawak yang menyalurkan minyak mentah dan juga gas asli daripada kedua-dua tempat ini dan juga terdapat satu dua saluran paip yang mengimpot minyak mentah serta gas asli dari Brunei dan di sebaliknya dari telaga minyak di Pali, Baram di dalam perairan dekat dengan Sarawak. Dengan pindaan yang dibuat pada hari ini kepada Akta Kastam maka ini akan membolehkan Kerajaan untuk mengadakan kawalan yang lebih ketat.

Atas teguran-teguran yang baik yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi saya mungkin tidak akan menyentuh ke-

semua sekali oleh kerana ini akan saya beri peringatan dan perhatian yang sebaik-baiknya, tetapi sukalah saya nyatakan bahawa kawalan tentang penyeludupan barang-barang menerusi sempadan di sempadan Perlis/Thai adalah diperketatkan pada masa ini dan kawalan supaya mengurangkan penyeludupan barang-barang yang boleh disifatkan sebagai merbahaya kepada negara sedang dijalankan, bukan sahaja oleh pihak Kastam, tetapi juga oleh pihak Polis dan tentera dari Pasukan Bersenjata kita.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap yang mengatakan supaya hadiah yang lebih baik diberi kepada mereka yang memberi maklumat kepada Kastam tentang adanya penyeludupan barang-barang dan sebagainya menerusi sempadan kita, sukalah saya nyatakan di sini bahawa perkara ini memanglah dilakukan oleh pihak kita, oleh Kerajaan dan tentang perlarian cukai pula, kita kadangkala memberi sehingga 50% daripada nilai barang-barang yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah meminta Kerajaan menimbangkan supaya pihak Kementerian Kewangan mengambil lebih banyak lagi pemuda-pemuda untuk bertugas dalam Jabatan Kastam. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa setakat hari ini kita cuba mengambil seberapa banyak orang untuk mencukupi keperluan Kastam itu sendiri. Selain daripada itu kita juga telah menggunakan alat-alat moden, bot-bot yang laju untuk memperbaiki perkhidmatan yang dijalankan oleh Jabatan Kastam.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, rumusan saya mengenai teguran-teguran yang telah dibangkitkan dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PETROLIAM (CUKAI PENDAPATAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.12 pg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pe tua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta (Cukai Pendapatan) Pet oiliam, 1967" dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat perubahan-perubahan kepada Akta (Cukai Pendapatan) Petroliam 1967 akibat daripada munculnya Akta Kemajuan Petroliam 1974 yang mula berkuatkuasa pada 1hb April, 1975. Ianya juga bertujuan untuk memperbaiki lagi Pentadbiran Am Akta ini dan peraturan-peraturan rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya menyentuh mengenai latar-belakang peruntukan perundangan dan fiskal terhadap ope asi petroliam di negara ini sebelum Akta Kemajuan Petroliam dipe kenalkan. Sebelum be kuatkuasanya Akta Kemajuan Petroliam 1974, Rang Undang-undang dan kewangan bagi operasi petroliam adalah diasaskan kepada sistem "concession" sejaja dengan apa yang diikuti di Timur Tengah. Di bawah sistem ini Kerajaan telah menandatangani Perjanjian-perjanjian Petroliam dengan syarat-syarat yang luas termasuk perkara-perkara kewangan bagi perkembangan kawasan-kawasan minyak daripada peringkat mencarigali kepada peringkat pengeluaran. Syarikat-syarikat minyak pula mempunyai hak ke atas minyak mentah dan gas yang dijumpai dan boleh menggunakan minyak dan gas itu sesuka hati mereka.

Dengan adanya Akta Kemajuan Pet oiliam 1974, dasar petroliam sekarang telah bertukar. Dengan Akta ini kesemua pemilikan petroliam termasuk hak-hak mutlak untuk menca igali dan memajukan petroliam adalah terserah kepada Petroliam Nasional Berhad, atau dengan pendeknya, PETRONAS. Walau bagaimanapun, PETRONAS boleh menandatangani perjanjian-rjanjian dengan syarikat-sya ikat

minyak untuk mencarigali dan mengeluarkan minyak bagi pihaknya. Syarikat-syarikat minyak, walau bagaimanapun, tidak lagi mempunyai hak ke atas petroliam yang dijumpai seperti di bawah sistem "concession" yang lama. Perjanjian-perjanjian yang PETRONAS bercadang memperkenalkan akan berasaskan kepada prinsip pe kongsi hasil atau yang lebih terkenal dengan "Production Sharing Principle".

Satu pertukaran penting yang be laku di bawah sistem baru ini ialah mengenai pembayaran oyalti. Di bawah sistem "concession", syarikat-syarikat minyak adalah dikehendaki membayar royalti kepada Kerajaan-kerajaan Pusat dan Negeri mengikut kadar yang ditentukan. Sistem pembayaran royalti ini sekarang ditukar dengan sistem pembayaran wang tunai yang akan dibuat oleh PETRONAS kepada Kerajaan-kerajaan Pusat dan Negeri, sepertimana dikehendaki di bawah Akta Kemajuan Petroliam.

Hasil daripada perubahan-perubahan yang be laku seperti saya nyatakan tadi, Akta Petroliam (Cukai Pendapatan) 1967 mestilah dipinda. Istilah-istilah "crude oil, petroleum, petroleum operation, chargeable person and petroleum agreements" mestilah ditakrif semula. Bagi istilah "chargeable person", ia diertikan sebagai PETRONAS dan mana-mana pihak yang menjalankan operasi petroliam, dan dengan ini PETRONAS bolehlah ditaksi kan atas pendapatan bersihnya dan begitu juga syarikat-syarikat minyak boleh ditaksirkan secara berasingan atas pendapatan be sih mereka.

Dalam penentuan pendapatan kasar, adalah disyorkan nilai harga pasaran sebenarnya digunakan dalam semua keadaan. Pada masa sekarang ini "posted price" adalah digunakan untuk tujuan-tujuan cukai ke atas minyak mentah yang diekspot. Sementara itu pula, penilaian pasaran adalah digunakan untuk minyak mentah yang ditapis oleh penapis-penapis tempatan ataupun yang digunakan selain daripada dijual. Di bawah undang-undang yang berkuatkuasa sekarang ini, jika sekiranya timbul selisih faham mengenai harga pasaran ini, peruntukan telah sedia ada untuk perkara ini dirujukkan kepada Jawatankuasa Ulangkaji Harga. Jawatankuasa Ulangkaji Harga ini mengandungi satu ahli yang dicalun oleh pembayar cukai, satu ahli dicalun oleh Ketua Pengarah

Jabatan Hasil Dalam Negeri dan kedua-dua ahli yang dicalun ini akan bersama-sama mencalon ahli yang ketiga yang juga akan menjadi Jawatankuasa. Jika kedua-dua mereka itu tidak dapat persetujuan dalam pencalonan ahli yang ketiga itu, pembayar cukai dan Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri boleh meminta Presiden Persekutuan Pengadilan Switzerland ataupun "The President of the Federal Tribunal of Switzerland" untuk mencalonkan ahli yang ketiga. Di bawah pindaan ini, adalah dicadangkan supaya kuasa diberi kepada Ketua Hakim Negara Mahkamah-mahkamah Malaysia untuk mencalonkan ahli yang ketiga ini.

Adalah dicadangkan supaya pembayaran wang tunai yang dibuat oleh PETRONAS kepada kedua-dua Kerajaan Pusat dan Negeri sepertimana yang saya sebutkan tadi dikira sebagai perkara perbelanjaan dalam kiraan pendapatan yang dikenakan cukai. Ini adalah satu perubahan daripada undang-undang yang berkuatkuasa sekarang ini di mana royalti yang dibayar oleh syarikat-syarikat minyak ke atas minyak mentah yang digunakan di negara ini dikreditkan daripada cukai yang patut dibayar.

Undang-undang sekarang ini memperuntukkan supaya cukai tambahan yang menggunakan harga rujukan cukai ataupun tax reference price dikenakan kepada minyak mentah yang diekspot. Harga rujukan cukai ataupun tax reference price ini didapati daripada posted price selepas ditolak beberapa elaun yang diperuntukkan di bawah Akta. Di bawah pindaan ini, adalah dicadangkan supaya konsep cukai tambahan yang menggunakan harga rujukan cukai dihapuskan.

Undang-undang yang berkuatkuasa sekarang ini juga membenarkan cukai-cukai impot yang dibayar oleh syarikat minyak ke atas alat-alat dan bahan-bahan yang digunakan dalam operasi petroliam dan juga diti eksport yang dibayar oleh syarikat minyak dan lain-lain dikreditkan kepada cukai yang kena dibayar. Adalah dicadangkan bahawa kredit seperti ini dihapuskan kerana sebab-sebab hasil.

Adalah juga dicadangkan supaya seseorang yang dikenakan membayar cukai atau chargeable person yang benar-benar mengeluarkan belanja dibenarkan membuat

potongan-potongan ke atas perbelanjaan mencarigali yang layak di bawah Jadual 1, Akta Petroliam (Cukai Pendapatan). Dalam pengiraan elaun pendapatan berkanun bagi seseorang yang dikenakan cukai, elaun kapita ke atas perbelanjaan loji yang layak dan perbelanjaan pembangunan yang layak di bawah Jadual 11 adalah diberi kepada seseorang yang dikenakan cukai yang sebenarnya mengeluarkan perbelanjaan, tidak kira samada alat-alat yang dibawa masuk ke negeri ini diserahkan kepada PETRONAS. Apabila alat-alat itu tidak digunakan lagi, tetapi sekiranya masih ada lagi nilai ke atas perbelanjaan yang layak ke atasnya, elaun yang masih ada lagi itu ataupun "balancing allowance" akan diberi kepada syarikat minyak yang tidak mengambil kredit ke atas nilai buangan harga itu. Walau bagaimanapun, peruntukan adalah dibuat untuk mengenakan cukai ke atas PETRONAS ke atas hasil atau nilai pasaran harta-harta yang berkenaan mengikut mana yang lebih sebagai pendapatan kasar daripada operasi petroliam.

Rang Undang-undang ini juga cuba memperbaiki pentadbiran am dan peraturan rayuan Akta ini. Masa yang dibenarkan bagi seseorang yang dikenakan cukai untuk menyiapkan penyata akaunnya kepada Ketua Pengarah telah dikurangkan daripada enam kepada tiga bulan selepas penghujung tahun asas bagi satu tahun taksiran. Ketua Pengarah boleh mengumumkan dengan apa cara yang difikirkan patut mengenai butir-butir seseorang yang dikenakan cukai yang telah didapati salah ataupun telah dihukum kerana telah melakukan kesalahan di bawah Akta ini. Peruntukan juga dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini untuk meningkatkan denda-denda dan penalti bagi kesalahan-kesalahan untuk menjadikan denda-denda ini satu pencegah dan juga untuk memberi kuasa kepada Mahkamah Rendah untuk menimbangkan kesalahan-kesalahan atau dakwaan-dakwaan dan jika didapati salah, mengenakan denda dengan sepenuhnya. Peruntukan juga telah dimasukkan bagi Suruhanjaya Khas Cukai Pendapatan Petroliam untuk membuat perintah mengenai kos dan bagi Ketua Pengarah untuk merayu kepada Suruhanjaya Khas supaya dakwaan atau setengah daripadanya didengar secara terbuka kepada orang ramai.

Adalah dicadangkan bahawa pindaan-pindaan ini dikuatkuasakan pada tarikh yang sama berkuatkuasanya Akta Kemajuan Petroliaam 1974 iaitu pada 1hb April, 1975 supaya perubahan dasar fiskal itu berlaku pada masa yang sama dengan perubahan dalam dasar petroliaam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis ditempokkan selama 20 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.23 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.45 ptg.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Meryuara*)

4.45 ptg.

Raja Naron bin Raja Isahak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengalu-alukan dan menyokong Rang Undang-undang Petroliaam (Cukai Pendapatan) (Pindaan) yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Di samping itu, saya suka memberi pandangan kepada Kementerian yang berkenaan mengenai dengan beberapa perkara. Satu daripada perkara-perkara ini ialah berkenaan dengan Clause 16 (e);

"(1) any sum paid by way of a bonus to an employee in excess of one thousand dollars or two-twelfths of his wages or salary whichever is the greater."

Saya tidak faham mengapa maka perkataan "dollars" itu digunakan kerana matawang kita ini dikenali dengan ringgit, barangkali ini adalah pembayaran US\$ bukan sebenarnya ringgit kita. Ini perlu diambil pandangan oleh Kementerian yang berkenaan supaya jangan mendatangkan kekeliruan.

Pandangan saya yang kedua, ialah berkenaan dengan Clause 2 (1) iaitu "petroleum operations". Telah dihuraiikan mengenai apa maksud petroleum operations "but does not

include—(a), (b), (c) dan (d). Apa yang saya concern ialah berkenaan (d) iaitu tidak termasuk:

Clause 2 (1) (d)—service involving the supply and use of rigs, derricks, ocean tankers and barges;"

dan barangkali juga alat-alat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, perusahaan mencarigali minyak ini adalah satu perusahaan yang baru dan tentu sahaja bagi pihak bumiputra tidak ada seorang ataupun satu syarikat pun yang mempunyai pengalaman di dalam usaha mencarigali minyak ini. Apa yang barangkali boleh syarikat-syarikat bumiputra mengambil peranan di dalam peluang yang baru ini ialah untuk membekalkan alat-alat samada kecil ataupun besar yang dikehendaki oleh syarikat-syarikat mencarigali minyak itu. Jika petroleum operation itu terkecuali daripada apa yang saya katakan dalam Clause 2 (1) (d) tadi maka sudah tentu sahaja peluang bumiputra untuk mengambil peranan di dalam perniagaan ini amat tipis. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan saya agar dapat PETRONAS mengingatkan perkara tersebut, jika ada PETRONAS membuat satu Petroleum Agreement dengan mana-mana satu syarikat luar negeri dapatlah dinasihatkan syarikat-syarikat itu supaya memberi peluang kepada bumiputra di dalam membekalkan alat-alat samada besar atau kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa pandangan Kementerian dan mengingatkan supaya Kementerian mengawasi apa yang dikatakan Petroleum Agreement yang mungkin dibuat daripada satu masa ke satu masa, kerana ada pernah disebut bahawa dengan adanya perjanjian yang telah dibuat oleh Kementerian kita, contohnya katalah mendapat pinjaman wang daripada sesebuah negeri, maka ada syarat-syarat di mana pembelian barang-barang dan alat-alat daripada pinjaman itu hendaklah dibuat dan dibeli daripada negeri yang meminjamkan wang itu sahaja. Dengan sebab itu, negeri-negeri yang meminjamkan itu ataupun badan yang meminjamkan itu telah dapat faedah dua tiga kali ganda selain daripada faedah (interest) yang dikenakan atas pinjaman itu juga keuntungan daripada barang-barang yang dibeli oleh kita. Boleh jadi barang-barang itu mahal kalau dibandingkan daripada barang-barang yang boleh kita beli daripada negara

lain atau mutunya lebih baik daripada barang-barang yang kalau kita mempunyai kebebasan membeli daripada negara-negara yang lain.

Itulah sahaja teguran saya dan saya harap dapat pihak Kementerian mengambil perhatian untuk kebaikan rakyat.

4.53 ptg.

Datuk Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Pekan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan saya kepada Rang Undang-undang Akta Cukai Petroliaam (Pindaan) 1976 dan di samping itu saya suka juga memberi pendapat saya dalam beberapa seksyen Akta (Pindaan) Petroliaam ini. Terlebih dahulu, saya suka memberi penjelasan bahawa saya bercakap atas nama Ahli Parlimen, bukanlah atas nama seorang executive dalam perbadanan PETRONAS.

Sebagaimana Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata tadi bahawa Akta Cukai, 1967 mesti dipinda oleh kerana Akta ini lebih sesuai untuk sistem concession. Maka oleh sebab dasar petroliaam kita telah berubah dan kita sekarang ada dasar kongsi pengeluaran (production sharing), jadi sepatutnya Akta Cukai Pendapatan Petroliaam ini dipinda juga untuk menyesuaikan dengan keadaan yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang semenjak setahun dahulu Kerajaan telah mendirikan satu badan iaitu PETRONAS dan badan ini telah diberi tanggungjawab untuk menjaga hasil petroliaam negara ini dan pihak Kerajaan telah amanahkan PETRONAS tanggungjawab dan kuasa dengan lulusnya Akta Kemajuan Petroliaam, 1974.

Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS adalah satu syarikat dalam sektor yang moden dan dalam sektor yang menggunakan teknologi yang baru. Oleh yang demikian, PETRONAS memerlukan pelaburan yang begitu tinggi. Ini jelas kalau kita lihat bahawa satu kilang Ammonia Urea Complex menelan belanja lebih daripada US\$500 juta dan juga satu kilang Liquefied Natural Gas (L.N.G.) yang akan menelan belanja hampir US\$1½ billion. Ini bermakna walaupun PETRONAS akan mendapat keuntungan yang banyak daripada penjualan basil minyak mentah, saya yakin keuntungan itu tidak akan mencukupi kalau

kita tinjau bahawa pelaburan yang dikehendaki dalam sektor ini amatlah tinggi. Jadi pihak PETRONAS mestilah meminjam duit atau capital daripada bank-bank daripada Kerajaan-kerajaan luar negeri dan pihak PETRONAS mesti juga menggunakan export credit daripada negara-negara lain. Tambahan lagi dalam 5 tahun akan datang pihak PETRONAS ada cadangan untuk mendirikan beberapa kilang seperti Kilang Ammonia Urea, Kilang Penapis Minyak dan juga Kilang L.N.G.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin negara Malaysia akan menerima banyak faedah daripada kegiatan PETRONAS dalam sektor petroliaam kerana itu rakyat Malaysia akan dapat berkecimpung dalam sektor yang menggunakan teknologi baru dan dengan itu mereka akan dapat banyak pengalaman dalam bidang petroliaam. Bahan petroliaam ialah satu bahan yang boleh dianggapkan mustahak (strategic) kepada negara kita. Ekonomi kita tidak boleh bergerak sekiranya tidak memperolehi tenaga minyak. Jadi kalau kita ada tenaga kilang penapis minyak kita sendiri dan kita dapat menggunakan minyak mentah dari pengeluaran kita sendiri, walaupun ada oil cmbargo atau peperangan di Timur Tengah, saya yakin ekonomi kita tidak akan terancam.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya suka merojok kepada beberapa seksyen dalam Akta (Pindaan) ini. Pertama sekali Seksyen 23 iaitu di bawah sistem lama (Concession Type System) dan di bawah Akta Cukai Petroliaam, 1967, syarikat-syarikat minyak asing telah mendapat keistimewaan sekiranya mereka menggunakan keluaran minyak mentah negara ini untuk pasaran di Malaysia ini.

Mereka boleh mendapat credit cukai royalty yang dikenakan kepada pengeluaran minyak yang digunakan untuk pasaran Malaysia. Cukai itu dapat ditolak daripada jumlah cukai tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ini, saya dapati bahawa pihak PETRONAS tidak akan mendapat keistimewaan seperti mana Kerajaan kita telah beri kepada syarikat minyak asing. Kalau sekiranya pihak PETRONAS sekarang menggunakan hak minyak mentah mereka untuk pasaran dalam negeri ini, mereka tidak akan dapat

credit pada jumlah cukainya hanya mereka dapat tolak daripada jumlah gross income sahaja.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk kepada Section 10, pindaan Section 13 (2) (a) yang berbunyi:

“(a) insurance, indemnity, recoupment, recovery, reimbursement or otherwise

(i) x x x x x x x

(ii) x x x x x x

(b) x x x x x x x

the receipts shall be treated as gross income of that relevant chargeable person for that relevant period.”

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna bahawa ganti rugi yang kita terima daripada pihak-pihak insuran kalau sekiranya kita ada kilang dan kilang pula ada kebakaran umpamanya, duit ganti rugi yang kita terima daripada pihak insuran itu akan dikenakan cukai. Jadi pada hemat saya, ini tidak berapa adil, oleh sebab resit insuran daripada syarikat-syarikat insuran ini bukanlah maknanya keuntungan untuk PETRONAS tetapi sebenarnya untuk mengganti rugi akibat satu-satu kejadian yang buruk.

Perkara yang ketiga ialah bonos. Bonos-bonos yang diterima oleh pihak PETRONAS seperti signature bonus, production bonus ataupun discovery bonus akan dikenakan cukai. Tuan Yang di-Pertua, sebuah syarikat yang mencarigali minyak akan menghadapi banyak risk. Kalau kita mencari minyak tidak tentulah kita akan berjumpa minyak, minyak yang boleh kita mengexploit cara commercial. Jadi pada hitung saya, bonus-bonus yang diterima oleh pihak PETRONAS ini patutlah dianggarkan sebagai satu kemenangan loteri dan tidak patutlah dikenakan cukai.

Perkara yang keempat, saya dapati bahawa cukai-cukai impot dan pembayaran pihak PETRONAS kepada Kerajaan Pusat. Pembayaran cukai impot dan juga cukai eksport ini, saya dapati tidak boleh ditolak daripada chargeable income. Ini bermakna bahawa pihak PETRONAS akan menghadapi double taxation. Sekali mereka kena bayar export duty ataupun import duty, dan sekali lagi duit yang dibayar kepada pihak Kerajaan ini tidak boleh ditolak daripada jumlah yang patut dibayar cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak PETRONAS sekarang menerima duit di bawah interim arrangement. Tetapi duit ini dipegang dalam trust oleh sebab perjanjian “production sharing” belum lagi diselesaikan. Jadi saya suka hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, for the last financial year, 1975 adakah pihak PETRONAS akan dikenakan cukai? Pada pendapat saya wang yang ada di dalam trust tidak masuk dalam definasi gross income. Jadi sepatutnya tidak bolehlah dikenakan cukai pada tahun itu.

Akhir sekali, saya suka melafazkan sokongan saya kepada Petroliaam Cukai Pendapatan (Pindaan) 1976 dan dengan ini saya dengan sesungguhnya berharap bahawa pihak Kerajaan akan memberi segala pertolongan dan kerjasama kepada pihak PETRONAS supaya matlamat-matlamat pihak PETRONAS akan dapat dicapai.

5.06 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Petroliaam (Cukai Pendapatan) (Pindaan) ini kerana memandangkan semenjak ter-tubuhnya Akta Kemajuan Petroliaam, 1974 negara kita terletak di mata dunia mengenai masalah pembangunan petroliaam, dan di dalam pada itu kita telah menerima berbagai-bagai pandangan yang tidak berapa sihat dari pihak yang melaburkan modal dan menyangkakan negara kita hendak merampas kuasa-kuasa yang ada pada mereka dijadikan hak milik negara. Saya berharap dengan adanya (Pindaan) ini dapatlah pihak Kerajaan kita membersihkan kekeliruan yang berlaku di kalangan penanam-penanam modal asing yang hendak campur tangan dalam pembangunan petroliaam yang ada dalam negara kita.

Kita semua sedia maklum seperti yang diterangkan oleh sahabat saya dari Pekan tadi iaitu perusahaan petroliaam ini adalah satu perusahaan moden yang akan menelan belanja yang besar, maka dengan itu dengan tersendirinya negara kita tidaklah dapat berdiri di atas kaki sendiri, berkehendakkan bantuan-bantuan terutama sekali penanaman modal daripada pemodal-pemodal asing yang telah ada pengalaman di dalam pembangunan ataupun dalam kemajuan petroliaam. Maka penerangan yang jelas amatlah penting terutama sekali kepada

warganegara kita dan juga penerangan yang jelas mesti diberi kepada negara luar supaya tidak timbul salah faham kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya baharu balik daripada luar negeri dalam menghadiri satu seminar dan conference di mana banyak negara-negara asing yang ada hadir bersama bertanyakan samada perselisihan yang berlaku antara PETRONAS dengan pihak-pihak yang menanam modal dalam industri petroliam di dalam negara kita ini telah selesai. Maka perkara ini terpaksa hendak dibentangkan, diterangkan untuk faedah orang ramai supaya dapat membersihkan kedudukan kita yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai penuh keyakinan pihak Kerajaan sentiasa berdiri teguh dalam menolong PETRONAS dan kita berharap PETRONAS akan dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna dan akan dapat mengurangkan bebanan-bebanan yang negara pada masa ini sedang pikul daripada hasil usaha-usaha yang akan diuruskan oleh PETRONAS dalam masa-masa kemajuan petroliam dalam negara kita ini. Kita tahu pada hari ini negara kita sedang membangun, maka bahan minyak adalah memainkan peranan yang penting. Dalam sebuah negara yang sedang membangun dan rakyat jelata yang mengharapkan sangat kemudahan-kemudahan dan nikmat-nikmat daripada hasil pembangunan seperti minyak satu perkara yang baharu, kita harap daripada hasil petroliam ini kelak dapatlah pihak Kerajaan memberi subsidi mengurangkan harga minyak yang dari satu masa ke satu masa dalam negara kita ini, naik, terutama sekali dari minyak disel bagi kegunaan pembangunan industri. Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat kaitannya dengan pembangunan negara yang sedang membangun pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan adanya PETRONAS ini kelak, kita akan dapat melahirkan anak-anak negara kita yang mahir dan yang cekap yang boleh mengendalikan kemajuan PETRONAS dan seperti yang saya terangkan tadi dalam masa-masa pembangunan petroliam dan petrochemical dalam negara kita ini memakan belanja yang besar. Saya berharap pihak Kerajaan dan PETRONAS apabila hendak memberi alat-alat yang akan menelan modal

yang besar memikirkan supaya alat-alat bagi kegunaan PETRONAS patut juga ada kaitannya dengan alat-alat teknologi yang lain yang boleh digunakan oleh badan-badan Kerajaan yang lain dalam negara kita. Dengan demikian negara kita ini dapat mengadakan satu tempat atau centralise overhauling equipment ataupun satu tempat yang senang yang mana badan-badan lain dapat menggunakan alat-alat serupa ataupun yang hampir-hampir serupa dengan kegunaan bahan-bahan yang besar. Sebagai contoh, pada hari ini negara kita sedang membeli kapal terbang memakan belanja yang besar. Kita berharap samada enjin kapal terbang itu ataupun dengan enjin kapal laut yang hendak dibeli oleh tentera dapat sama-sama memberi faedah ataupun kegunaannya saling ganti-mengganti dengan kegunaan Lembaga Elektrik Negara dengan kegunaan PETRONAS. Inilah satu daripada cara-cara yang dapat kita mengelakkan dan mengurangkan perbelanjaan maintenance atau pengawasan sekiranya berlaku sebarang kerosakan kepada alat-alat yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai penuh keyakinan dengan pindaan ini bahawa Menteri Kewangan akan berjaya menyelesaikan beberapa masalah yang akan timbul dalam perkara ini.

5.15 ptg.

Tuan Patrick Anek Uren (Bau-Lundu):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil kesempatan membahas Suatu Akta bagi meminda Akta Petroliam (Cukai Pendapatan), 1967 dan memberi pandangan saya sejauh mana yang saya faham mengenai Rang Undang-undang ini.

Dari penjelasan Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi, kita dapati bahawa Rang Undang-undang ini adalah untuk disesuaikan keadaan baharu timbul selepas kita adakan Akta Kemajuan Petroliam, 1974.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang tahu bahawa petroliam ini satu industri yang baharu yang dianggapkan akan menjadi satu revenue earner yang terbesar jika aktiviti-aktivitinya terkawal selaras dengan kehendak dan inspirasi rakyat dan industri-industri ini akan memainkan peranan yang penting jika dikawal dari sekarang. Dengan adanya Rang Undang-undang Petroliam (Cukai Pendapatan) (Pindaan) yang dibentangkan di

Majlis ini sekarang, kita berbangga bahawa masa hadapan kita dengan petroliaam ini akan baik.

Di Seksyen 11 di dalam Rang Undang-undang ini kita dapati bahawa disebabkan oleh indastri ini akan menelan belanja yang besar dan PETRONAS sendiri walaupun negara ini tidak dapat melaburkan modal itu terpaksa kampeni-kampeni yang masuk melabur cari-gali minyak, assetnya divested kepada Petroliaam National Berhad. Apa yang saya ingin beri pandangan hal ini ialah kita vested kepada PETRONAS alat-alat ataupun kelengkapan-kelengkapan yang baharu yang diimport daripada luar negeri dan divested kepada PETRONAS itu sahaja yang sebenarnya menjadi keuntungan kepada PETRONAS iaitu sebab kita ada juga relevant clause yang memberi kepada pelabur modal iaitu tax relief atas perbelanjaannya, ini bermakna negara kita tidak menerima wang tunai hanya asset ataupun kelengkapan yang mahal. Apa yang saya bangkitkan ialah jika kita benarkan satu pelabur modal membawa alat ataupun kelengkapan yang bernilai berjuta-juta ringgit untuk mencarigali minyak, tetapi minyak tidak ada, mereka pulang ke tanahairnya, tinggal alat itu di sini, itu sahaja yang kita berhasil daripada usaha mereka.

Saya mohon kepada Menteri yang berkenaan supaya mengawasi hal ini kerana jika kita buat provision yang lain iaitu seperti capital outlay dikenakan kepada faktori-faktori yang mengeluarkan petro-chemical yang dapat direct benefit kepada negara kita lebih-lebih lagi penting dan perlu pada keadaan sekarang. Lebih-lebih lagi petro-chemical yang berasaskan urca untuk mengeluarkan fertilizer di negara kita.

Section 41, Section 47 of the principal Act, ini untuk Price Review Committee ditubuhkan. Ini adalah baik tetapi apa yang saya pandang di sini adalah lewat cara mencalonkan ahli-ahli kepada Jawatankuasa itu mengambil masa yang panjang. Lebih daripada satu bulan, baru Lord President of the Federal Court dapat mencalonkan third member. Ini dalam fahaman saya jika kita dispose of any case, jika lewat masanya nanti, kejadian itu tidak berguna atau tidak baik lagi kepada kita. Saya mohon jika dapat dipendekkan masa the time be reduced supaya Lord

President of the Federal Court dapat mencalonkan ahli-ahli jawatankuasa itu tidak lewat daripada beberapa bulan.

Nampaknya tidak ada lagi perkara yang belum disebutkan kerana sudah banyak disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain maka itulah sahaja pandangan saya.

5.22 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang Petroliaam (Cukai Pendapatan) (Pindaan) ini, saya suka mengambil bahagian sedikit. Pertama, saya rasa berterima kasih benar kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telah mengemukakan Rang Undang-undang Petroliaam ini. Apa yang saya suka sebutkan di sini sebagai pandangan saya oleh kerana carigali minyak ini berkebetulan terdapat di lautan yang bertentangan dengan Negeri Trengganu dan pihak Kerajaan Trengganu sendiri menggantungkan harapan besarnya moga-moga dengan penemuan minyak itu dapat menambahkan hasil negeri itu.

Apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sewaktu membentangkan Rang Undang-undang ini tadi ialah masalah bertukarnya cara pembayaran daripada royalty kepada wang tunai kepada Kerajaan-kerajaan Negeri kerana mengusahakan penggalan minyak. Walau bagaimanapun, saya mengharapkan benar-benarlah dalam mengawasi royalty ataupun mengawasi pendapatan daripada pengusaha-pengusaha atau pengeluaran-pengeluaran minyak ini pihak PETRONAS ataupun pihak yang berkenaan hendaklah meletak pakar-pakar yang benar-benar boleh mengawasi pengeluaran minyak di negara kita ini supaya tidak dapat dielakkan daripada membayar royalty ataupun membayar potongan kepada Negeri-negeri yang tertentu. Oleh yang demikian, saya menyerulah kepada pihak yang berkenaan supaya membanyakkan lagi melatih ahli-ahli kepakaran bagi masalah petrol ini. Sebab ini adalah satu usaha baharu yang dihadapi oleh negara kita dan saya yakin dan percaya bahawa sudah tentu Kementerian yang berkenaan memanglah tidak mencukupi pakar di dalam hal ini. Walaupun kita sedar bahawa di saat-saat yang akhir ini pihak yang berkenaan telah menawarkan beberapa biasiswa untuk mengikuti kursus mengenai

petroleum ini. Dalam hal ini, saya mengharapkan benar-benar kepada Kementerian yang bertanggungjawab mengenai hal ini supaya mengambil lebih banyak anak-anak bumiputra atau khususnya anak-anak Melayu bagi menceburkan diri di dalam bidang petroleum ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penemuan minyak di lautan bersetentangan dengan Negeri Trengganu ini, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya berikhtiar mendirikan kilang penapis minyak sekurang-kurangnya sebuah di Negeri Trengganu bagi memberi kemudahan kepada rakyat Negeri Trengganu mendapat peluang pekerjaan hasil daripada pengeluaran minyak. Saya yakin dan percaya bahawa Kementerian yang berkenaan tidak keberatan untuk menimbangkan rayuan ini bagi membuktikan dan menunjukkan kepada rakyat Negeri Trengganu yang selama ini memang terkenal sebagai negeri yang mundur, maka satu kilang akan terdiri di negeri Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penemuan minyak di negara kita ini, saya berharap benar-benar bahawa apabila pengeluaran minyak di negara kita ini dapat dikeluarkan dengan secukupnya dan walaupun saya sedar di sini ada jawatankuasa ulangkaji hal ini dan sebagainya, saya mengharapkan supaya Kementerian yang berkenaan dapat menimbangkan dengan segera supaya dapat menurunkan harga minyak di negara kita ini.

Sekarang ini kita dapat berbangga dengan pengeluaran minyak di negara kita akan tetapi rakyat tidak dapat berbangga sekiranya minyak sahaja yang mereka itu tahu pengeluaran daripada perut bumi negara kita sedangkan pengguna-pengguna atau rakyat di dalam negara kita ini terus-menerus membeli minyak dengan harga yang mahal ataupun kemungkinan akan lebih mahal lagi. Oleh itu tidak ada ertinya kalau tidak boleh ditimbal balikkan. Katalah minyak yang dikeluarkan daripada negara kita ini dipasarkan keluar negeri kerana kononnya tidak boleh dipakai di negeri kita tetapi kepada rakyat tentulah menyakini bahawa hasil minyak ataupun hasil jualan minyak daripada negara kita ini boleh ditimbal balikkan bagi membantu rakyat negeri ini dapat membeli minyak dengan harga yang lebih murah daripada apa yang ada sekarang ini.

5.30 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Harunah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah bangun mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita pada petang ini dan juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana menyokong Rang Undang-undang ini. Teguran-teguran yang baik dan membina telah dikemukakan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat samada mengenai perusahaan minyak ataupun mengenai Rang Undang-undang ini dan peruntukan-peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang ini.

Saya suka lah nyatakan di sini bahawa Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) yang telah digubal dalam tahun 1967 ialah bertujuan untuk menggalak perusahaan minyak di negara kita pada masa itu dan apabila Akta itu telah digubal, maka berbagai-bagai galakan telah diberi semuga banyak pengusaha-pengusaha dari luar negeri masuk menanam modal dalam usaha mencarigali di tanahair kita ini. Tetapi sekarang ini telahpun didapati bahawa banyak daripada galakan-galakan yang diberi itu nampaknya tidak diperlukan lagi dan boleh dikatakan tidak sama sekali boleh dinikmati oleh pengusaha-pengusaha yang datang mencarigali minyak di tanahair kita. Selain daripada itu pula dengan adanya Akta Kemajuan Petroleum, 1974 maka perlulah Akta yang ada ini dipinda supaya sesuai dengan cara baru yang sedang dijalankan oleh Kerajaan menerusi PETRONAS. PETRONAS pada masa ini sedang mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat minyak yang sedang mencarigali minyak diperairan tanahair kita dan perundingan-perundingan ini ialah dengan tujuan semuga syarikat-syarikat minyak itu bersetuju mengadakan production sharing agreement dengan PETRONAS semuga hasil pengeluaran minyak daripada tanahair kita akan dapat dibahagikan di antara PETRONAS dengan syarikat-syarikat yang mencarigali minyak. Oleh sebab itu, adalah timbul keributan bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga di luar negeri sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi mengenai tentang

adanya perselisihan faham di antara PETRONAS dengan syarikat-syarikat minyak yang mencarigali minyak di tanahair kita.

Suka saya nyatakan di sini sebenarnya perselisihan faham tidak ada tetapi sudah tentu dalam mana-mana perundingan di antara kedua-dua pihak persetujuan sukar hendak dicapai, lebih-lebih lagi di bawah cara lama syarikat-syarikat minyak telah menjalankan usahanya di bawah concession system dan ini hendak pula dirombak dan diubah kepada sistem yang baru sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi iaitu production sharing system. Ini sudah nyata lah apabila hak minyak itu telahpun dipindahkan daripada syarikat-syarikat minyak yang telah mendapat kawasan-kawasan untuk mencarigali minyak di bawah perjanjian-perjanjian minyak dahulu kepada PETRONAS di bawah Akta Kemajuan Petroliaam, 1974 maka hendaklah perkara-perkara ini diselaraskan dan kepentingan-kepentingan negara dipelihara dan dilindungi. Maka pada masa sekarang ini sebagaimana saya nyatakan tadi perundingan sedang berjalan dengan baik dan ada kemungkinan bahawa syarikat-syarikat minyak ini akan dapat menyetujui dengan cadangan-cadangan sebagaimana yang telah dikemukakan oleh PETRONAS. Maka saya fikir bolehlah penerangan-penerangan diberi kepada pemodal-pemodal luar dan juga dalam negeri bahawa segala perselisihan faham yang wujud pada masa yang lampau tidak akan membantutkan perundingan-perundingan yang sedang dijalankan oleh kerana ini adalah suatu usaha yang dijalankan oleh Kerajaan menerusi PETRONAS guna untuk melindungi hak dan kepentingan negara itu sendiri.

Mengenai alat-alat dan juga perkhidmatan yang boleh diberi kepada syarikat-syarikat minyak yang menjalankan usaha mencarigali minyak, sukalah saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor bahawa dalam peruntukan di bawah Perjanjian Perkongsian Hasil telahpun ditentukan bahawa syarikat-syarikat minyak akan diwajibkan supaya mereka itu membeli alat-alat yang akan dibuat di Malaysia sekiranya ada barang-barang itu dikeluarkan di negara kita ataupun di beli daripada negara-negara yang telahpun dipersetujui oleh PETRONAS itu sendiri. Dan di bidang ini sudahpun ditentukan dalam deraf perjanjian itu bahawa

syarikat-syarikat minyak yang mencarigali minyak di sini di bawah Perjanjian Perkongsian Hasil hendaknya memberi peluang yang sebanyak-banyaknya kepada bumiputra semuga mereka itu dapatlah membekalkan alat-alat dan juga perkhidmatan kepada syarikat-syarikat mencarigali minyak di sini. Ini semuanya sedang dirundingkan oleh PETRONAS dengan syarikat-syarikat minyak yang berkenaan.

Berbalik pula kepada soal kilang penapis minyak yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, sukalah saya nyatakan di sini bahawa pihak PETRONAS sedang menjalankan suatu kajian untuk mengadakan satu pelan induk bagi mengkaji kemungkinan kita mendirikan kilang-kilang petro-kimia dan juga kilang-kilang penapis minyak di beberapa tempat di tanahair kita ini, tetapi terlalu awal bagi pihak PETRONAS hendak menentukan samada kilang-kilang ini dapat didirikan dengan seberapa cepat yang boleh mengikut kehendak Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus. Walau bagaimanapun, perkara ini sudah ditimbangkan oleh pihak PETRONAS supaya kilang-kilang yang berpatutan didirikan di tempat-tempat terutama sekali negeri yang belum maju yang memerlukan kepada pembangunan perusahaan seperti pembinaan kilang penapis minyak dan petro-kimia dan lain-lain lagi.

Berbalik pula kepada soal harga minyak walaupun tidak ada kena-mengena dengan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini, sukalah saya nyatakan bahawa perkara ini masih dalam pertimbangan Kerajaan. Bagi pihak PETRONAS sendiri memang sedar bahawa harga minyak pada masa ini adalah tinggi oleh kerana kita terpaksa mengimpor minyak mentah dari negara-negara Asia Barat untuk ditapis di negara kita bagi kegunaan rakyat jelata. Ini tidak dapat dielakkan oleh kerana kilang-kilang penapis minyak yang sedia ada di negara kita ini sudahpun didirikan beberapa tahun dahulu dan ianya telahpun direka bentuk guna untuk menapis minyak dari negara-negara Asia Barat yang mengeluarkan minyak dengan belerang yang banyak. Jadi sudah tentulah suatu kajian mesti dibuat sekiranya minyak mentah yang dikeluarkan dari negara kita sendiri hendak ditapis untuk kegunaan rakyat di dalam negara ini. Pendek kata, banyak perkara mesti dikaji terlebih dahulu sebelum kita dapat mencari jalan

bagaimanakah minyak mentah ini yang dikeluarkan dalam negara kita sendiri dapat ditapis untuk kegunaan rakyat jelata kita. Walau bagaimanapun, saya telah diberitahu oleh PETRONAS bahawa mereka sedang membuat kajian tentang kemungkinan kita menapis minyak menerusi kilang-kilang penapis baru apabila kajian mengenai pelan induk yang sedang dijalankan oleh PETRONAS itu siap nanti.

Berbalik pula kepada Rang Undang-undang ini saya telah memberi perhatian kepada beberapa teguran yang baik yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Pekan. Sukalah saya nyatakan di sini tentang beberapa peruntukan yang telah dibangkitkan umpamanya "cash payment" yang disebutkan di sini mengapakah tidak diberi kredit lagi di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) yang dipinda pada hari ini. Ini ialah kerana perkara ini adalah sebahagian daripada usaha untuk hendak mengeluarkan pendapatan daripada usaha minyak. Jadi kalaulah perkara ini dibenarkan sudah tentu akan melebihi satu tingkatan (ceiling) yang sudah tentu akan menjadi perbelanjaan untuk mengeluarkan pendapatan kasar untuk minyak.

Yang kedua, Ahli Yang Berhormat dari Pekan membangkitkan soal production bonus dan signature bonus dan lain-lain lagi mengapakah ini tidak dikecualikan daripada cukai pendapatan minyak ataupun petroleum. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa perkara ini tidak dapat dikecualikan oleh kerana pendapatan bonus (production bonus) itu adalah salah satu daripada hasil pendapatan bagi PETRONAS dan ianya mestilah dikenakan cukai. Dan lain-lain perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi telahpun saya jelaskan dalam ucapan saya apabila membentangkan Rang Undang-undang ini sebentar tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah membangkitkan mengapakah di dalam Fasal 16 masih juga lagi digunakan perkataan "dollar" di dalam fasal itu. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa perkataan "dollar" ini sedia ada di dalam Akta ibu dan oleh kerana ini hanya merupakan pindaan kepada Akta ibu, maka terpaksa dikekalkan perkataan "dollar" yang ada di dalam Akta ibu itu dalam pindaan Rang Undang-undang ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebanyak penjelasan saya kepada teguran-teguran yang membina yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang diimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusi Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 14—

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 14 hendaklah dipinda seperti mana kertas pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

Fasal 14: Potong "the" yang terdapat dalam perenggan (b);

Clause 14: Delete "the" appearing immediately after "substituting" in paragraph (b);

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 14 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 15 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 16—

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 16 hendaklah dipinda seperti berikut:

Fasal 16: Potong "4" yang terdapat dalam perenggan (d);

Clause 16: Delete "4" appearing in paragraph (d);

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 16 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 17 hingga 24 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 25—

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa *Fasal 25* hendaklah dipinda seperti biasa:

Fasal 25: (a) Potong “dengan” yang terdapat di permulaan perenggan (a);

(b) Gantikan “or” yang terdapat selepas sahaja “person” dengan “and”;

Clause 25: (a) Delete “by” appearing in paragraph (a);

(b) Substitute “and” for “or” appearing immediately after “person” in paragraph (a);

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 25 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 26 hingga 45 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 46—

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa *Fasal 46* hendaklah dipinda seperti berikut:

Fasal 46: Masukkan “(1) dan” antara “seksyen-keci” dan “(2)” yang terdapat dalam perenggan (d);

Clause 46: Substitute “subsections (1) and (2)” for “subsection (2)” appearing in paragraph (d);

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 46 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 47 hingga 62 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 63—

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa *Fasal 63* hendaklah dipinda seperti berikut:

Fasal 63: Masukkan “by” sebelum sahaja “a” yang terdapat dalam perenggan (a) (vi).

Clause 63: Insert “by” immediately before “a” appearing in paragraph (a) (vi).

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 63 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 64 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab urusan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat telah selesai dan mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang.